



KEMENTERIAN KEWANGAN



SOALAN LAZIM (FAQ)

PROGRAM PENYASARAN SUBSIDI RON95 & DIESEL BUDI MADANI

SENARAI KANDUNGAN

I. MENGENAI BUDI MADANI	1
II. KELAYAKAN BUDI MADANI	6
III. SYARAT-SYARAT LAYAK MENERIMA BUDI MADANI	12
IV. LANGKAH SUSULAN SEKIRANYA TIDAK LAYAK	18
V. KAD PENGENALAN (MYKAD) DAN LESEN MEMANDU	20
VI. PEMILIKAN KENDERAAN	22
VII. FUNGSI BUDI MADANI	24
VIII. KAEDAH PEMBELIAN & TRANSAKSI BUDI MADANI	30
(a) Kaedah Terminal MyKad BUDI MADANI	31
(b) Terminal Pembayaran Dalam Kedai [Indoor Payment Terminal (IPT)]	32
(c) Terminal Pembayaran Luar Kedai [Outdoor Payment Terminal (OPT)]	32
(d) Aplikasi TNG eWallet	33
e) Aplikasi Syarikat Minyak	34
IX. SISTEM DAN TEKNOLOGI	39
X. SALURAN BANTUAN DAN PENYELESAIAN MASALAH	40
XI. PORTAL RASMI BUDI MADANI	45
XII. PERALIHAN BUDI INDIVIDU KEPADA BUDI MADANI DIESEL MELALUI MEKANISME MYKAD	46
XIII. PERMOHONAN KELAYAKAN TAMBAHAN BUDI MADANI BAGI KENDERAAN DIESEL JENIS JIP DAN PICK-UP	53
XIV. PEMINDAHAN KELAYAKAN BUDI DIESEL KEPADA AHLI KELUARGA	58

I. MENGENAI BUDI MADANI

1. Apakah itu BUDI MADANI?

- i. BUDI MADANI ialah inisiatif Kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api petrol RON95 dan diesel secara lebih bersasar kepada rakyat Malaysia dan kumpulan penerima yang layak.
- ii. Pelaksanaan BUDI MADANI mengubah pendekatan perbelanjaan subsidi Kerajaan daripada secara pukal kepada lebih bersasar. Ia merupakan kesinambungan kepada reformasi subsidi yang telah dilaksanakan, termasuk subsidi elektrik, ayam dan telur; bagi memastikan sumber negara dimanfaatkan secara cekap dan berkesan.
- iii. BUDI MADANI merangkumi tiga program utama seperti berikut:
 - a. **BUDI Rakyat** Kaedah pembelian petrol RON95 dan diesel pada harga bersubsidi melalui MyKad untuk manfaat rakyat Malaysia yang layak.
 - b. **BUDI Agri-Komoditi** Pemberian subsidi diesel secara bantuan tunai untuk manfaat golongan petani, penternak dan pekebun kecil berdaftar yang layak.
 - c. **BUDI MySubsidi** Kaedah pembelian petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) atau Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) melalui kad fleet untuk manfaat kenderaan pengangkutan awam dan pengangkutan barangan yang layak.
- iv. Penyasaran subsidi bahan api bertujuan memperkukuh kedudukan fiskal negara dengan mengurangkan ketirisan subsidi yang selama ini turut dinikmati golongan tidak layak serta dieksploitasi melalui sindiket penyeludupan. Melalui pendekatan lebih bersasar, subsidi disalurkan lebih berhemat untuk manfaat rakyat terbanyak.

- v. Pada masa yang sama, penjimatan yang diraih hasil penyasaran subsidi dapat dimanfaatkan antaranya untuk menambah baik bantuan rakyat di bawah Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta memperkukuh perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan.

2. Apakah perbezaan antara **BUDI MADANI**, **BUDI95** dan **BUDI Diesel Individu**?

- i. **BUDI MADANI** ialah inisiatif Kerajaan yang menyelaraskan pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api petrol RON95 dan diesel secara lebih bersasar, termasuk melalui mekanisme pembelian pada harga bersubsidi serta bantuan kepada kumpulan penerima yang layak.
- ii. **BUDI Diesel Individu dan BUDI95:**
 - a. Pada tahun 2024, Kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia melalui BUDI Diesel Individu, iaitu bantuan tunai asal sebanyak RM200 sebulan disalurkan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian individu yang layak. Bagi Sabah, Sarawak dan WP Labuan, diesel kekal dijual pada harga bersubsidi RM2.15 seliter.
 - b. Pada tahun 2025, Kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 di seluruh negara melalui BUDI95, yang membolehkan rakyat Malaysia yang layak membeli petrol RON95 pada harga bersubsidi RM1.99 seliter menggunakan MyKad sebagai kaedah pengesahan kelayakan.
- iii. **Penambahbaikan Penyasaran Subsidi Bahan Api di bawah BUDI MADANI:**
 - a. Kerajaan memutuskan untuk memperkukuh kaedah penyasaran subsidi bahan api supaya lebih seragam, bersasar, cekap dan menyeluruh di bawah satu mekanisme tunggal iaitu BUDI MADANI.

- b. Melalui kaedah BUDI MADANI yang seragam, rakyat Malaysia yang layak dapat membeli RON95 dan diesel pada harga bersubsidi yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan.
- c. Dengan kata lain, subsidi diesel tidak lagi diberikan secara bantuan tunai, tetapi rakyat Malaysia yang layak akan menikmati diesel pada harga subsidi yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pelaksanaan penyeragaman BUDI MADANI ini juga akan diperluas ke seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan WP Labuan.
- d. BUDI MADANI ialah keistimewaan yang diberikan kepada warganegara Malaysia untuk menikmati bahan api pada harga bersubsidi, manakala golongan tidak layak seperti bukan warganegara akan membeli bahan api pada harga tanpa subsidi.

3. Apakah manfaat utama BUDI MADANI kepada rakyat?

- i. BUDI MADANI membolehkan rakyat Malaysia yang layak menikmati petrol RON95 dan diesel pada harga bersubsidi yang lebih rendah berbanding harga pasaran.
- ii. Penyeragaman BUDI MADANI memastikan subsidi RON95 dan diesel disalurkan kepada rakyat Malaysia yang layak, berbanding subsidi pukal yang sebelum ini tiris kepada bukan warganegara dan dieksploitasi melalui sindiket penyeludupan.
- iii. Dengan pengurangan ketirisan, penjimatan yang diperolehi dapat diagihkan semula untuk program yang memberi manfaat kepada rakyat, termasuk penambahbaikan STR dan SARA serta pengukuhan perkhidmatan rakyat.

4. Mengapakah pelaksanaan BUDI MADANI penting kepada ekonomi & negara?

- i. Penyasaran subsidi RON95 dan diesel membantu mengurangkan ketirisan dan memastikan sumber negara yang terhad dapat dimanfaatkan dengan lebih berkesan untuk kepentingan rakyat terbanyak.
- ii. Peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar membantu mengurangkan penyeludupan dan penggunaan subsidi oleh pihak tidak layak, sekali gus menjimatkan perbelanjaan negara.
- iii. Penjimatan yang diperoleh boleh disalurkan semula kepada program pembangunan dan perlindungan sosial yang memberi manfaat kepada rakyat serta menyokong pertumbuhan ekonomi negara.
- iv. Pelaksanaan penyasaran subsidi turut membantu mengurangkan defisit fiskal dan memperkukuh kedudukan kewangan negara secara mampan.
- v. Kedudukan fiskal yang lebih kukuh dapat meningkatkan daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global.
- vi. Reformasi fiskal yang dilaksanakan melalui penyasaran subsidi memberi isyarat positif kepada pelabur terhadap komitmen Kerajaan dalam mengurus kewangan negara secara bertanggungjawab, sekali gus menyokong pertumbuhan pelaburan dan ekonomi negara.

5. Bilakah pelaksanaan BUDI MADANI akan dikuatkuasakan?

Program penyasaran subsidi bahan api di bawah BUDI MADANI akan berkuat kuasa sepenuhnya mulai 1 Julai 2026.

6. Apakah harga petrol RON95 dan diesel tanpa subsidi setelah program ini berkuat kuasa?






Harga pam petrol RON95 dan diesel tanpa subsidi akan ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dengan merujuk kepada Mekanisme Harga Automatik (APM). Melalui formula APM, harga pam petrol RON95 dan diesel akan mengambil kira pergerakan harga pasaran dan pada masa yang sama Kerajaan akan mengelakkan kesan turun naik harga pam yang berlebihan (*excessive volatility*).

II. KELAYAKAN BUDI MADANI

1. Apakah itu liter kelayakan?

i. Liter kelayakan merujuk kepada jumlah liter bahan api pada harga bersubsidi yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia yang layak pada setiap bulan. **Kelayakan Asas BUDI MADANI seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan** membolehkan rakyat Malaysia menikmati subsidi bahan api di bawah BUDI95 atau BUDI Diesel berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan.

ii. Penerangan mengenai liter kelayakan adalah seperti rajah berikut:

Kriteria Kelayakan	Kelayakan Bulanan	Penerangan
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Warganegara Malaysia ✓ Lesen memandu yang sah 	 RON95 200 liter / bulan	Layak untuk pembelian RON95 bersubsidi sahaja
+		
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Memiliki kenderaan Diesel Persendirian Individu atas nama pemegang lesen layak ✓ Lesen Kenderaan Motor Sah 	  RON95 DAN Diesel 200 liter / bulan	Layak untuk pembelian RON95 dan Diesel bersubsidi <u>tanpa kelayakan tambahan</u>
+		
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Permohonan dengan syarat tambahan (Pick-up atau Jip) 	  RON95 DAN Diesel 200 + 100¹ liter / bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik Pick-up atau Jip layak memohon kelayakan tambahan 100 liter. • Kelayakan automatik kepada penerima BUDI Diesel Individu yang merupakan pemilik Pick-up atau Jip

a. Umumnya, semua rakyat Malaysia pemegang MyKad dengan lesen memandu aktif akan menerima kelayakan asas bulanan BUDI MADANI mengikut liter kelayakan yang ditetapkan yang boleh dimanfaatkan untuk membeli petrol RON95 bersubsidi sahaja di bawah BUDI95.

b. Manakala, rakyat Malaysia pemegang MyKad dengan lesen memandu aktif yang memiliki serta merupakan pemilik berdaftar bagi kenderaan diesel persendirian individu dengan Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang aktif boleh menggunakan liter kelayakan asas BUDI MADANI secara fleksibel untuk membeli petrol RON95 di bawah BUDI95 dan diesel di bawah BUDI Diesel pada harga bersubsidi.

- c. Khusus untuk pemilik kenderaan diesel persendirian individu jenis jip atau pick-up yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan, kelayakan tambahan BUDI MADANI 100 liter boleh dipohon, menjadikan jumlah kelayakan sehingga 300 liter sebulan.

2. Adakah kelayakan bulanan BUDI MADANI untuk RON95 dan diesel diberikan secara berasingan?

Tidak. Individu yang layak akan menerima subsidi RON95 dan diesel di bawah liter kelayakan yang sama. Individu yang layak hanya akan menerima satu kelayakan asas BUDI MADANI berdasarkan kelayakan yang ditentukan oleh Kerajaan yang pada masa ini ditetapkan pada 200 liter sebulan. Selain itu, hanya penerima BUDI MADANI yang memiliki kenderaan diesel persendirian serta kumpulan sasar selain kenderaan seperti pengusaha bot, pengguna genset dan pam air boleh menggunakan kelayakan tersebut secara fleksibel untuk membeli RON95 dan diesel sesuai dengan keperluan masing-masing.

3. Adakah Kerajaan menetapkan sebarang had pengisian bahan api harian bagi penerima BUDI MADANI?

Tiada sekatan dikenakan terhadap pengisian bahan api lebih daripada sekali sehari. Namun begitu, Kerajaan sentiasa memantau corak penggunaan dengan teliti bagi mengelakkan penyalahgunaan.

4. Adakah terdapat had pembelian BUDI MADANI dalam satu transaksi?

Pembelian petrol RON95 atau diesel menggunakan kelayakan BUDI MADANI adalah tertakluk kepada had maksimum RM250 bagi setiap transaksi. Jumlah liter pembelian petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi akan ditolak daripada baki kelayakan BUDI MADANI bulanan pengguna. Sekiranya baki kelayakan bulanan telah digunakan sepenuhnya, pembelian bahan api seterusnya akan dikenakan pada harga pam tanpa subsidi sehingga liter kelayakan diperbaharui pada awal bulan berikutnya.

5. Apakah rasional di sebalik penetapan kelayakan bulanan 200 liter dan bagaimana ia ditentukan?

- i. Berdasarkan data penggunaan sebenar, hampir 90 peratus pengguna mencatatkan penggunaan bahan api di bawah paras 200 liter sebulan, dengan purata penggunaan sekitar 100 liter sebulan. Ini bermakna majoriti rakyat, termasuk golongan B40 dan M40, tidak terjejas oleh penetapan had kelayakan semasa kerana keperluan bahan api mereka masih dapat dipenuhi sepenuhnya melalui pembelian pada harga bersubsidi.
- ii. Penetapan kelayakan ini juga penting untuk mengelakkan subsidi daripada disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebelum ini, mekanisme pemberian subsidi bahan api secara pukal tanpa had telah dieksploitasi melalui sindiket rentas sempadan yang menyeludup bahan api ke negara jiran yang menjual bahan api pada harga jauh lebih mahal. Tambahan pula, syarikat komersial turut mengambil kesempatan menggunakan bahan api bersubsidi yang murah secara berskala besar untuk menampung kos operasi dan mengaut keuntungan perniagaan secara tidak wajar.
- iii. Melalui mekanisme baharu ini, subsidi dapat disasarkan dengan lebih berkesan kepada rakyat Malaysia yang layak, sekali gus memastikan manfaatnya dinikmati oleh golongan yang sepatutnya. Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan sistem ini dan melakukan pelarasan yang bersesuaian dari semasa ke semasa, termasuk mempertimbangkan penambahan kelayakan bagi kumpulan tertentu sekiranya diperlukan.

6. Bolehkah saya memohon kelayakan tambahan BUDI MADANI?

- i. Kelayakan asas BUDI MADANI telah ditetapkan berdasarkan data penggunaan bulanan rakyat Malaysia dan diperbaharui pada setiap awal bulan.
- ii. Walau bagaimanapun, pemilik kenderaan diesel persendirian individu jenis pick-up atau jip yang memenuhi syarat kelayakan boleh memohon kelayakan tambahan sebanyak berdasarkan kelayakan tambahan sebulan yang telah ditetapkan.

- iii. Kelayakan tambahan ini diperkenalkan mengambil kira keperluan penggunaan yang lebih tinggi dalam kalangan pemilik kenderaan pick-up yang digunakan untuk aktiviti keusahawanan, pertanian dan kegunaan ekonomi lain, serta pemilik kenderaan jip yang bergantung kepada kenderaan tersebut sebagai mod pengangkutan utama, khususnya di kawasan pedalaman.

7. Jika saya tidak menghabiskan kelayakan BUDI MADANI pada bulan ini, adakah baki tersebut boleh dibawa ke bulan hadapan?

Baki kelayakan BUDI MADANI yang tidak digunakan pada bulan semasa akan lupus dan tidak dibawa ke bulan berikutnya. Kelayakan BUDI MADANI akan diperbaharui dan dikemas kini pada setiap 1 hari bulan.

8. Adakah kelayakan BUDI MADANI bagi pemandu *e-hailing* sama seperti rakyat Malaysia yang lain?

- i. Kerajaan memahami bahawa pemandu *e-hailing*, khususnya yang memberikan perkhidmatan secara sepenuh masa, memerlukan penggunaan bahan api yang lebih tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan memperkenalkan Kelayakan Tambahan Berperingkat BUDI MADANI bagi pemandu *e-hailing* dan teksi lapangan terbang.
- ii. Kelayakan tambahan ini diaktifkan pada pertengahan setiap bulan berdasarkan jarak perjalanan yang direkodkan oleh sistem pengendali *e-hailing* (EHO) pada bulan sebelumnya seperti berikut:
 - a. Jarak perjalanan <1,500km:
 - Tiada kelayakan tambahan diberikan.
 - Pemandu menerima kelayakan asas BUDI MADANI sebanyak 200 liter
 - b. Jarak perjalanan antara $\geq 1,500$ km sehingga <5,000km:
 - Kelayakan tambahan sebanyak 400 liter.
 - Jumlah keseluruhan kelayakan BUDI MADANI sebanyak 600 liter.

c. Jarak perjalanan melebihi $\geq 5,000$ km:

- Kelayakan tambahan sebanyak 200 liter.
- Jumlah keseluruhan kelayakan BUDI MADANI sebanyak 800 liter.

iii. Pemandu *e-hailing* dan teksi lapangan terbang layak menggunakan kelayakan BUDI MADANI sehingga 800 liter bagi pembelian bahan api bersubsidi berdasarkan kenderaan yang didaftarkan dengan EHO. Pemandu *e-hailing* dimohon untuk membuat tindakan susulan dengan EHO bagi menyelaraskan kenderaan yang berdaftar.

Pemandu *e-hailing* aktif yang menerima kelayakan di bawah kategori ini tidak layak menerima kelayakan tambahan diesel bagi kategori pemilikan Jip atau Pick-Up.

9. Saya mempunyai kenderaan persendirian jenis diesel, tetapi kenderaan yang saya daftarkan dengan syarikat Penyedia Perkhidmatan e-hailing (EHO) adalah bukan jenis diesel. Adakah saya juga layak menerima subsidi BUDI Diesel?

Pemandu yang mendapat kemudahan kelayakan tambahan e-hailing hanya akan menerima keseluruhan liter kelayakan berdasarkan jenis bahan api kenderaan yang didaftarkan dalam sistem EHO, tertakluk kepada syarat kelayakan berikut:

- i. Kenderaan diesel: Pemandu layak menggunakan kelayakan BUDI MADANI termasuk kelayakan tambahan e-hailing bagi pembelian petrol RON95 dan diesel bersubsidi.
- ii. Kenderaan selain diesel: Pemandu layak menggunakan kelayakan BUDI MADANI termasuk kelayakan tambahan e-hailing bagi pembelian petrol RON95 bersubsidi sahaja.

Oleh itu, sekiranya anda memiliki kenderaan diesel persendirian tetapi kenderaan diesel tersebut tidak didaftarkan dengan EHO, anda hanya akan layak untuk menerima BUDI95 sahaja untuk kedua-dua liter kelayakan asas dan liter kelayakan tambahan e-hailing serta tidak layak untuk BUDI Diesel.

10. Adakah saya akan menerima notifikasi apabila baki kelayakan bulanan saya habis digunakan?

Anda boleh melayari laman portal rasmi www.budimadani.gov.my untuk menyemak baki bulanan serta perincian transaksi penggunaan bulan semasa. Resit setiap transaksi pembelian petrol RON95 dan diesel juga akan memaparkan penggunaan dan baki kelayakan anda.

Selain itu, anda juga boleh menyemak baki kelayakan melalui aplikasi yang menyokong fungsi BUDI MADANI, tertakluk kepada proses pengesahan identiti dan fungsi yang disediakan oleh aplikasi berkenaan.

III. SYARAT-SYARAT LAYAK MENERIMA BUDI MADANI

1. Apakah syarat-syarat untuk layak menerima BUDI MADANI?

i. Warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat berikut LAYAK DIPERTIMBANGKAN subsidi BUDI MADANI RON95 (BUDI95) SAHAJA:

(1) Memiliki lesen memandu aktif bagi jenis-jenis berikut:

- Lesen Memandu Kompeten (CDL);
(Kelas kenderaan A, A1, B, B1, B2, C, D dan DA); atau
- Lesen Memandu Percubaan (PDL)
(Kelas kenderaan A, A1, B, B1, B2, C, D dan DA); atau
- Lesen Belajar Memandu (LDL)
(Kelas kenderaan A, B, B1, B2 dan C);

DAN

(2) Memegang Kad Pengenalan (MyKad).

ii. Warganegara Malaysia yang memenuhi syarat berikut LAYAK DIPERTIMBANGKAN subsidi bagi BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dan BUDI MADANI DIESEL (BUDI Diesel):

(1) Mempunyai lesen memandu aktif bagi jenis berikut:

- Lesen Memandu Kompeten (CDL)
(Kelas kenderaan A, A1, B, B1, B2, C, D dan DA); atau
- Lesen Memandu Percubaan (PDL)
(Kelas kenderaan A, A1, B, B1, B2, C, D dan DA); atau
- Lesen Belajar Memandu (LDL)
(Kelas kenderaan A, B, B1, B2 dan C);

(2) Memegang Kad Pengenalan (MyKad);

(3) Memiliki kenderaan diesel persendirian individu yang didaftarkan atas nama pemegang lesen memandu yang layak;

DAN

(4) Kenderaan tersebut mempunyai Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang sah.

Tiada permohonan perlu dibuat kerana data akan disemak silang dengan menggunakan pangkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan.

Layari portal rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di <https://www.jpj.gov.my/pusat-media-3/informasi-perkhidmatan-jpj/> untuk maklumat lanjut mengenai jenis lesen memandu dan kelas kenderaan.

iii. **Warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat berikut LAYAK DIPERTIMBANGKAN BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dan BUDI MADANI DIESEL (BUDI Diesel) dengan kelayakan tambahan 100 liter :**

(1) Mempunyai lesen memandu aktif bagi jenis berikut:

- Lesen Memandu Kompeten (CDL)
(Kelas kenderaan A, A1, B, B1, B2, C, D dan DA); atau
- Lesen Memandu Percubaan (PDL)
(Kelas kenderaan A, A1, B, B1, B2, C, D dan DA); atau
- Lesen Belajar Memandu (LDL)
(Kelas kenderaan A, B, B1, B2 dan C);

(2) Memegang Kad Pengenalan (MyKad);

DAN

(3) Memiliki kenderaan diesel persendirian individu **jenis pick-up atau jip** yang berdaftar atas nama pemegang lesen memandu yang layak dan kenderaan tersebut mempunyai Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang aktif.

Kelayakan tambahan ini tidak diberikan secara automatik dan permohonan perlu dikemukakan di pautan <https://www.budimadani.gov.my/>.

Layari portal rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di <https://www.jpj.gov.my/pusat-media-3/informasi-perkhidmatan-jpj/> untuk maklumat lanjut mengenai jenis lesen memandu dan kelas kenderaan.

2. Apakah jenis kenderaan yang layak untuk menerima BUDI MADANI Diesel?

Hanya pemilik berdaftar bagi kenderaan diesel persendirian individu dengan kelas kegunaan berikut (sila rujuk bahagian “Kelas Kegunaan” pada Sijil Pemilikan Kenderaan anda) layak dipertimbangkan BUDI MADANI Diesel:

- i. Kenderaan persendirian Motorkar individu (Kelas Kegunaan AB); atau
- ii. Kereta persendirian selain motokar individu (Kelas Kegunaan AD); atau
- iii. Kenderaan persendirian individu Orang Kurang Upaya (OKU) (Kelas Kegunaan IA); atau
- iv. Kenderaan persendirian diesel yang didaftarkan dengan EHO dengan EVP yang sah.

3. Bagaimanakah cara untuk menyemak kelayakan sebelum BUDI MADANI berkuat kuasa?

Kelayakan BUDI MADANI boleh disemak di portal rasmi www.budimadani.gov.my mulai **22 Jun 2026**. Klik pada pautan “BUDI MADANI”, kemudian klik “Semak Kelayakan Individu” dan masukkan nombor MyKad anda.

4. Dengan pelaksanaan BUDI MADANI, apakah terdapat perbezaan syarat kelayakan berbanding BUDI95 dan BUDI Diesel?

- i. BUDI95, BUDI Diesel dan BUDI MADANI merupakan inisiatif Kerajaan untuk memastikan subsidi bahan api disalurkan secara lebih bersasar kepada rakyat Malaysia yang layak.
- ii. BUDI MADANI merupakan penambahbaikan dengan penyeragaman penyasaran subsidi petrol RON95 dan diesel di bawah satu mekanisme tunggal yang lebih seragam, bersasar, cekap dan menyeluruh.
- iii. Melalui BUDI MADANI, rakyat Malaysia yang layak boleh menikmati petrol RON95 dan diesel pada harga bersubsidi menggunakan MyKad sebagai kaedah pengesahan kelayakan. Mekanisme penyasaran subsidi diesel turut diperluas kepada penerima yang layak di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

iv. Perbandingan BUDI95, BUDI Diesel Individu dan BUDI MADANI adalah seperti berikut:

Perkara	BUDI95	BUDI Diesel	BUDI MADANI (BUDI95 & BUDI Diesel)
Syarat Layak	Pemegang MyKad dengan lesen memandu aktif.	Pemilik kenderaan diesel persendirian individu yang memenuhi syarat kelayakan, termasuk syarat pendapatan dan jenis kenderaan yang ditetapkan.	Pemegang MyKad dengan lesen memandu aktif layak menerima kelayakan asas RON95. Pemilik kenderaan diesel persendirian individu yang berdaftar atas nama pemegang lesen memandu yang layak dengan Lesen Kenderaan Motor aktif pula layak menggunakan kelayakan secara fleksibel untuk petrol RON95 dan diesel.
Kaedah Penyaluran Subsidi	Menikmati petrol RON95 pada harga bersubsidi RM1.99 seliter menggunakan MyKad sebagai pengesahan kelayakan.	Bantuan tunai RM200 sebulan disalurkan kepada penerima yang layak.	Menikmati petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi yang ditentukan oleh Kerajaan menggunakan MyKad sebagai pengesahan kelayakan, tertakluk kepada kelayakan pengguna.
Jumlah Kelayakan Subsidi	Liter kelayakan asas sebulan untuk petrol RON95.	Bantuan tunai RM200 sebulan.	Liter kelayakan asas sebulan. Bagi pemilik kenderaan diesel persendirian individu, kelayakan ini boleh digunakan secara fleksibel untuk petrol RON95 dan diesel. Pemilik jip atau pick-up diesel yang layak boleh memohon kelayakan tambahan.
Liputan Pelaksanaan	Seluruh negara.	Semenanjung Malaysia.	Seluruh negara, termasuk Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

5. Adakah saya akan mendapat petrol dan diesel percuma sekiranya tersenarai sebagai penerima BUDI MADANI?

- i. Anda masih perlu membuat pembayaran bagi pembelian petrol RON95 dan diesel. Kelayakan BUDI MADANI bermakna anda boleh membeli petrol RON95 dan diesel pada harga bersubsidi seperti yang ditentukan oleh Kerajaan.
- ii. Namun demikian, hanya rakyat Malaysia yang layak BUDI95 yang memiliki kenderaan diesel persendirian individu dengan Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang aktif sahaja layak untuk menggunakan BUDI MADANI secara fleksibel untuk membeli diesel pada harga bersubsidi.
- iii. Rakyat Malaysia yang layak hanya perlu menggunakan MyKad untuk mengesahkan kelayakan sama ada dengan membawa MyKad fizikal atau menggunakan aplikasi terpilih dan menikmati petrol RON95 atau diesel bersubsidi di stesen minyak pilihan. Pendekatan ini menyelaraskan mekanisme penyerasan subsidi melalui satu kaedah yang lebih mudah, seragam dan mesra pengguna.
- iv. Perbezaan antara harga bersubsidi bagi petrol dan diesel dengan harga pam merupakan jumlah subsidi yang dinikmati rakyat yang akan ditanggung oleh Kerajaan.
- v. Bagi pengguna, tiada perubahan ketara dari segi pengalaman pengguna membeli petrol RON95 dan diesel. Jika sebelum ini anda membeli petrol RON95 dan diesel sebanyak RM10, anda masih akan membelinya pada harga RM10, tetapi anda akan menerima tambahan liter bagi pembelian petrol RON95 dan diesel bersubsidi tersebut.

6. Bolehkah saya menyemak kelayakan tanpa perlu ke stesen minyak?

- i. Ya. Anda boleh melayari laman portal rasmi www.budimadani.gov.my atau menghubungi talian pusat khidmat BUDI MADANI melalui e-mel tanya@budimadani.gov.my atau nombor telefon 1300-88-9595 bagi semakan kelayakan. Anda juga boleh menghubungi talian WhatsApp +603-2631 4595 bagi mendapatkan maklumat lanjut.

- ii. Anda juga boleh menggunakan aplikasi TNG eWallet atau aplikasi syarikat minyak bagi menyemak kelayakan BUDI MADANI selepas melakukan proses pengesahan identiti melalui e-KYC. Ikuti langkah-langkah berikut:
 - a. Muat turun aplikasi TNG eWallet atau aplikasi syarikat minyak;
 - b. Daftar akaun mengikut arahan yang disediakan dalam aplikasi berkenaan;
 - c. Lakukan pengesahan identiti (e-KYC);
 - d. Sekiranya pengesahan berjaya, pilih ikon BUDI MADANI dalam aplikasi berkenaan; dan
 - e. Maklumat kelayakan BUDI MADANI anda akan dipaparkan.

Sila rujuk panduan pengguna atau FAQ aplikasi berkenaan untuk maklumat lanjut tentang proses pendaftaran dan semakan kelayakan BUDI MADANI.

7. Bagaimana cara untuk menyemak kelayakan jika saya tiada komputer atau telefon pintar?

Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI melalui 1300-88-9595. Sebagai alternatif, anda juga boleh hadir ke mana-mana Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negara untuk mengakses portal tersebut.

IV. LANGKAH SUSULAN SEKIRANYA TIDAK LAYAK

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya semakan kelayakan di portal rasmi menunjukkan saya tidak layak menerima BUDI MADANI atau kelayakan liter tambahan?

- i. Sekiranya semakan kelayakan menunjukkan anda tidak layak (atau tidak layak untuk kelayakan liter tambahan), portal akan memaparkan keterangan sebab ketidaklayakan tersebut berserta tindakan susulan yang perlu diambil. Senarai sebab ketidaklayakan dan tindakan susulan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

Keterangan	Tindakan Susulan
Lesen memandu tidak aktif berdasarkan rekod agensi	Hadir ke cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berdekatan untuk semakan atau kemas kini lanjut
Lesen memandu bukan daripada kelas dan jenis lesen diluluskan	Hadir ke cawangan JPJ terdekat untuk semakan atau kemas kini lanjut
Individu tiada rekod MyKad dalam data agensi atau nombor MyKad memerlukan semakan lanjut	Hadir ke cawangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terdekat untuk semakan atau kemas kini lanjut
Tiada dalam senarai penerima diesel bersubsidi bagi individu yang memiliki kenderaan diesel persendirian individu	Hadir ke cawangan JPJ terdekat untuk semakan atau kemas kini lanjut
Tiada dalam senarai penerima yang layak kelayakan tambahan	Permohonan boleh dikemukakan di https://www.budimadani.gov.my/ atau hubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI di 1300-88-9595, WhatsApp di +603-2631 4595 atau e-mel di tanya@budimadani.gov.my .

- ii. Setelah mengemas kini maklumat dengan agensi berkaitan, anda boleh membuat semakan semula kelayakan BUDI MADANI melalui portal rasmi <https://www.budimadani.gov.my/>.
- iii. Data lesen memandu akan dikemas kini secara mingguan. Bagi rekod lesen memandu yang diterima dalam tempoh Isnin hingga Ahad, data tersebut akan

diproses pada hari Isnin berikutnya dan status kelayakan akan dikemas kini menjelang hari Jumaat pada minggu berkenaan.

- iv. Pelaksanaan semakan kelayakan adalah tertakluk kepada pengesahan, kemas kini dan semak silang data dengan agensi-agensi berkaitan.

V. KAD PENGENALAN (MYKAD) DAN LESEN MEMANDU

1. Adakah semua jenis MyKad yang dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh digunakan untuk BUDI MADANI? Perlukah saya menggantikan MyKad kepada versi terkini?

- i. Warganegara Malaysia iaitu pemegang MyKad dengan lesen memandu aktif bagi kelas dan jenis dibenarkan adalah layak menikmati BUDI MADANI. Status kewarganegaraan pemegang lesen memandu akan disemak silang dengan JPN.
- ii. Sekiranya MyKad anda berjaya digunakan untuk transaksi SARA atau BUDI95 sebelum ini, bermakna MyKad anda boleh digunakan untuk BUDI MADANI dan tidak perlu digantikan dengan versi terkini.
- iii. Anda tidak perlu menggantikan MyKad sekiranya memiliki Kad Pengenalan bercip yang telah diperkenalkan sejak tahun 2001.
- iv. Bagi individu yang masih belum memiliki Kad Pengenalan bercip, sila hadir ke cawangan JPN terdekat untuk mendapatkan MyKad.
- v. Sekiranya terdapat perubahan ketara pada rupa paras berbanding gambar pada MyKad semasa, anda turut disarankan untuk membuat penggantian MyKad bagi memastikan maklumat pengenalan diri sentiasa tepat dan terkini.

2. Apakah keadaan yang memerlukan saya membuat penggantian MyKad?

- i. MyKad gagal dibaca di mesin atau kiosk perkhidmatan layan diri.
- ii. Bank atau agensi Kerajaan menolak urusan menggunakan MyKad anda kerana sistem tidak dapat mengesan data MyKad tersebut.
- iii. MyKad perlu diimbis berkali-kali kerana masalah cip.
- iv. Kerosakan fizikal pada MyKad.
- v. Kad Pengenalan lama yang tidak bercip yang dikeluarkan sebelum tahun 2001.

3. Di manakah saya boleh membuat penggantian Kad Pengenalan?

- i. Gantikan MyKad anda di mana-mana cawangan JPN termasuk di UTC serta perkhidmatan bergerak oleh JPN seperti Bas MEKAR dan Van MEKAR.
- ii. Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari portal rasmi JPN di www.jpn.gov.my/

4. Saya baru sahaja menerima lesen memandu, adakah saya layak untuk mendapat BUDI MADANI?

- i. Anda layak untuk menerima BUDI MADANI sekiranya memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan.
- ii. Data lesen memandu akan dikemas kini secara mingguan. Bagi rekod lesen memandu yang diterima dalam tempoh Isnin hingga Ahad, data tersebut akan diproses pada hari Isnin berikutnya dan status kelayakan akan dikemas kini menjelang hari Jumaat pada minggu berkenaan.
- iii. Pelaksanaan semakan kelayakan adalah tertakluk kepada pengesahan, kemas kini dan semak silang data dengan agensi-agensi berkaitan.

VI. PEMILIKAN KENDERAAN

1. Jika saya memiliki lebih daripada satu kenderaan, adakah kelayakan BUDI MADANI saya akan digandakan?

Kelayakan BUDI MADANI diberikan kepada individu yang layak berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan. Oleh itu, pemilikan lebih daripada satu kenderaan tidak akan menambah jumlah kelayakan BUDI MADANI bulanan anda.

2. Jika saya memiliki kenderaan petrol, adakah saya turut layak membeli diesel pada harga bersubsidi di bawah BUDI MADANI?

Pemilik kenderaan petrol hanya layak membeli petrol RON95 bersubsidi. Penggunaan BUDI MADANI secara fleksibel untuk membeli petrol RON95 dan diesel bersubsidi hanya dikhususkan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian individu yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan.

3. Jika saya memiliki kenderaan diesel, adakah saya layak untuk membeli petrol atau diesel pada harga bersubsidi?

Individu yang memiliki kenderaan diesel persendirian individu yang layak dan memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan boleh menggunakan BUDI MADANI untuk membeli petrol RON95 dan diesel pada harga subsidi, tertakluk kepada baki kelayakan bulanan yang tersedia.

4. Jika saya memiliki motosikal diesel, adakah saya juga layak untuk membeli diesel pada harga subsidi?

Pemilik berdaftar bagi kenderaan persendirian individu yang menggunakan bahan bakar diesel dan didaftarkan atas nama pemegang lesen memandu yang layak serta mempunyai Lesen Kenderaan Motor yang aktif layak dipertimbangkan untuk kelayakan BUDI Diesel

5. Adakah kriteria tidak layak BUDI Diesel Individu yang asal masih terpakai?

Setelah BUDI MADANI dilaksanakan, pembelian diesel pada harga bersubsidi melalui MyKad akan diperluas kepada semua pemilik kenderaan diesel persendirian individu yang layak. Sehubungan itu, kriteria pengecualian yang sebelum ini digunakan di bawah BUDI Diesel Individu tidak lagi terpakai.

VII. FUNGSI BUDI MADANI

1. Bagaimanakah saya dapat menggunakan BUDI MADANI sekiranya saya layak?

- i. Sekiranya anda memenuhi syarat kelayakan BUDI95 atau BUDI Diesel, anda dapat membeli petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi. Terdapat dua (2) kaedah pembelian:
 - a. **Menggunakan MyKad:** Masukkan MyKad ke dalam terminal pembaca MyKad di kaunter stesen minyak atau di pam minyak untuk menyemak kelayakan anda. Berdasarkan jumlah yang dibeli, sistem BUDI MADANI akan meluluskan jumlah subsidi dan anda hanya perlu membayar jumlah pembelian BUDI MADANI berdasarkan harga bersubsidi, tertakluk kepada baki kelayakan BUDI MADANI.
 - b. **Aplikasi mudah alih/e-dompot:** Sebagai alternatif, anda boleh menggunakan aplikasi mudah alih yang disokong (contohnya: Touch 'n Go eWallet atau aplikasi syarikat minyak) untuk mengesahkan kelayakan dan membuat pembelian. Dalam aplikasi tersebut, pilih modul BUDI MADANI dan masukkan maklumat stesen, nombor pam dan amaun petrol RON95 atau diesel yang ingin dibeli. Aplikasi akan terus berhubung dengan pangkalan data pusat BUDI MADANI untuk menyemak kelayakan anda. Di stesen minyak, anda akan menunjukkan kod QR daripada aplikasi tersebut untuk diimbis oleh juruwangagar maklumat transaksi dapat direkodkan ke dalam sistem jualan stesen minyak. Pembayaran boleh dilakukan melalui aplikasi stesen minyak atau e-dompot, dan selepas itu anda boleh mengisi bahan api seperti biasa.
- ii. Melalui kedua-dua kaedah, pam minyak akan diaktifkan sebaik sahaja pembayaran disahkan, sama seperti transaksi biasa.

2. Bagaimanakah pengguna yang tidak mempunyai akses kepada e-dompet akan dibantu?

Anda masih boleh membeli petrol RON95 atau diesel dengan BUDI MADANI di kaunter stesen minyak dengan mengesahkan kelayakan menggunakan MyKad fizikal dan membayar secara tunai atau kad kredit/debit. Kakitangan stesen minyak sedia membantu sekiranya diperlukan.

3. Saya mempunyai lesen memandu aktif tetapi tidak memiliki kenderaan sendiri. Adakah saya boleh membeli petrol RON95 atau diesel dengan BUDI MADANI apabila menggunakan kenderaan milik orang lain?

i. Pembelian petrol RON95

Jika anda memiliki lesen memandu aktif, anda boleh membeli petrol RON95 bersubsidi melalui BUDI MADANI bagi mana-mana kenderaan berpendaftaran Malaysia yang digunakan untuk tujuan peribadi.

ii. Pembelian diesel

Pembelian diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI hanya dibenarkan kepada individu yang memiliki kenderaan diesel persendirian individu yang berdaftar atas nama sendiri serta memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan. Oleh itu, individu yang tidak memiliki kenderaan diesel persendirian tidak layak membeli diesel bersubsidi di bawah BUDI MADANI, walaupun mempunyai lesen memandu aktif atau menggunakan kenderaan diesel milik orang lain.

4. Jika keluarga saya memiliki sebuah kenderaan diesel dan sebuah kenderaan petrol, siapakah yang layak menikmati fleksibiliti BUDI MADANI untuk membeli diesel bersubsidi?

Bagi isi rumah yang mempunyai kedua-dua jenis kenderaan, hanya individu yang merupakan pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian yang memenuhi kriteria kelayakan dapat menggunakan BUDI MADANI secara fleksibel untuk pembelian petrol RON95 dan diesel bersubsidi.

5. Bolehkah saya membeli petrol atau diesel pada harga subsidi di bawah BUDI MADANI untuk kegunaan kenderaan orang lain?

- i. Kelayakan BUDI MADANI tidak terikat kepada sesuatu kenderaan tertentu. Individu yang layak boleh menggunakan BUDI MADANI mereka untuk membeli petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi bagi mana-mana kenderaan berpendaftaran tempatan, tertakluk kepada jenis kelayakan bahan api dan baki kelayakan BUDI MADANI yang masih tersedia.
- ii. Walau bagaimanapun, pembelian tersebut hendaklah dibuat sendiri oleh pemilik MyKad, dengan pemilik MyKad hadir semasa transaksi pembelian dilakukan. Pembelian tidak boleh melibatkan penggunaan MyKad milik individu lain.

6. Bolehkah saya membeli RON95 atau diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI jika saya memandu kenderaan bernombor pendaftaran luar negara?

BUDI MADANI hanya dibenarkan untuk kegunaan warganegara Malaysia yang memandu kenderaan berpendaftaran Malaysia. Kenderaan yang bukan berpendaftaran Malaysia tidak dibenarkan menikmati pembelian petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi di bawah BUDI MADANI.

7. Bolehkah saya membeli petrol RON95 atau diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI untuk kegunaan selain kenderaan (contohnya genset atau bot memancing)?

- i. Pada masa ini, individu dibenarkan membeli sehingga 20 liter petrol RON95 dan diesel tanpa perlu membawa kenderaan. Individu yang memiliki Permit Khas yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pula boleh membeli kuantiti lebih tinggi bagi tujuan tertentu seperti aktiviti pertanian.
- ii. Pelaksanaan BUDI MADANI tidak mengubah tatacara sedia ada tersebut. Individu yang layak boleh menggunakan MyKad untuk mendapatkan harga bersubsidi bagi pembelian dibenarkan.

- iii. Liter kelayakan asas BUDI MADANI turut mengambil kira keperluan penggunaan bahan api bagi tujuan selain kenderaan untuk kumpulan seperti petani, peladang dan pengusaha kecil.

8. Bolehkah saya menggunakan MyKad orang lain untuk mengisi minyak dengan harga bersubsidi?

Tidak. Anda hanya boleh menggunakan MyKad milik sendiri atau aplikasi yang telah melengkapkan pengesahan e-KYC atas nama anda untuk membeli bahan api melalui BUDI MADANI. Penggunaan atau peminjaman MyKad milik orang lain bagi tujuan pembelian BUDI MADANI adalah tidak dibenarkan. Memegang atau menggunakan MyKad milik orang lain tanpa kebenaran juga merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

9. Bolehkah saya dan suami atau isteri menggunakan MyKad masing-masing untuk mengisi bahan api bagi kenderaan yang sama?

- i. Ya. Anda, pasangan atau mana-mana individu lain boleh menggunakan MyKad masing-masing untuk mengisi bahan api bagi kenderaan yang sama, dengan syarat pemilik MyKad hadir dan melakukan pembelian tersebut.
- ii. Walau bagaimanapun, MyKad tidak dibenarkan untuk dipinjamkan atau digunakan oleh individu lain bagi tujuan pembelian di bawah BUDI MADANI. Setiap pembelian hendaklah dibuat oleh pemilik MyKad sendiri.
- iii. Memegang dan menggunakan MyKad orang lain merupakan kesalahan menurut Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Peraturan 25).

10. Bolehkah saya menetapkan jumlah BUDI MADANI yang ingin digunakan dalam satu transaksi pembelian?

- i. Pembelian menggunakan BUDI MADANI akan ditolak secara automatik berdasarkan jumlah liter bahan api yang dibeli, tertakluk kepada baki kelayakan BUDI MADANI yang masih tersedia.
- ii. Sekiranya anda ingin menggunakan hanya sebahagian daripada kelayakan BUDI MADANI bagi sesuatu pembelian, anda perlu membuat dua (2) transaksi berasingan seperti berikut:
 - a. Membeli jumlah bahan api yang dikehendaki menggunakan kelayakan BUDI MADANI; dan
 - b. Membuat pembelian selebihnya pada harga pam tanpa subsidi.

11. Bagaimanakah prosedur membuat tuntutan elaun atau bayaran bahan api daripada majikan? Adakah ia melibatkan bahan api bersubsidi atau tidak bersubsidi?

Proses tuntutan elaun atau bayaran bahan api daripada majikan bergantung kepada panduan dalaman tempat kerja masing-masing. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada majikan bagi sebarang maklumat lanjut.

12. Mengapa subsidi bahan api tidak diberikan secara bantuan tunai seperti program Sumbangan Tunai Rahmah (STR)?

BUDI MADANI diperkenalkan bagi memastikan subsidi petrol RON95 dan diesel disalurkan secara lebih bersasar kepada rakyat Malaysia yang layak untuk kegunaan pengangkutan harian. Pendekatan ini membolehkan subsidi diberikan terus pada titik pembelian bahan api, sekali gus mengurangkan ketirisan dan memastikan perbelanjaan subsidi diurus dengan lebih cekap. BUDI MADANI juga merupakan kesinambungan kepada pendekatan bantuan bersasar yang telah dilaksanakan Kerajaan seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

13. Bolehkah saya membeli petrol RON95 atau diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI sewaktu tempoh kemas kini harga mingguan, iaitu pada hari Rabu antara jam 11.45 malam hingga hari Khamis jam 12.00 tengah malam?

Ya, pembelian petrol RON95 atau diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI masih boleh dibuat dalam tempoh tersebut, tertakluk kepada ketersediaan sistem di stesen minyak.

Walau bagaimanapun, pengguna dinasihatkan untuk mengelakkan pembelian terlalu hampir dengan waktu peralihan harga mingguan kerana proses kemas kini harga di stesen minyak mungkin sedang dilaksanakan. Sekiranya transaksi dibuat semasa tempoh peralihan tersebut, perubahan harga pam boleh memberi kesan kepada proses pembelian atau pengesahan transaksi.

Bagi mengelakkan sebarang kesulitan, pengguna digalakkan untuk membuat pembelian sebelum atau selepas tempoh kemas kini harga mingguan tersebut.

VIII. KAEDAH PEMBELIAN & TRANSAKSI BUDI MADANI

1. Adakah BUDI MADANI boleh digunakan di semua stesen minyak seluruh negara?

BUDI MADANI melibatkan semua stesen minyak di seluruh negara. Anda boleh menggunakan BUDI MADANI di stesen minyak pilihan anda untuk menikmati petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi.

2. Bagaimana cara membeli petrol RON95 dan diesel melalui BUDI MADANI?

- i. Proses pembelian petrol RON95 atau diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI hanya memerlukan satu langkah tambahan berbanding kaedah pembelian sedia ada. Langkah tersebut bertujuan mengesahkan kelayakan dan baki kelayakan BUDI MADANI sebelum pembelian dapat dilaksanakan.
- ii. Perincian kaedah pembelian adalah seperti berikut:
 - a. Terminal MyKad BUDI MADANI
 - b. *Indoor Payment Terminal* (IPT)
 - c. *Outdoor Payment Terminal* (OPT)
 - d. Aplikasi TNG eWallet
 - e. Aplikasi syarikat minyak
- iii. Semua stesen minyak berdaftar mempunyai keupayaan untuk melaksanakan penjualan melalui Terminal MyKad BUDI MADANI. Penggunaan kaedah pembelian lain pula tertakluk kepada kesediaan stesen minyak tersebut.

3. Bagaimanakah cara membeli petrol RON95 dan diesel melalui BUDI MADANI yang menggunakan pembayaran secara tunai atau kad kredit/debit?

Untuk pembelian menggunakan wang tunai, ia memerlukan pengesahan MyKad di terminal pembaca kad pengenalan di dalam kedai stesen minyak. Pembelian secara kad kredit/debit mempunyai pilihan tambahan iaitu menggunakan terminal pembaca MyKad di pam. Perinciannya adalah seperti berikut:

(a) Kaedah Terminal MyKad BUDI MADANI

Langkah-langkah pembelian melalui BUDI MADANI menggunakan Terminal MyKad BUDI MADANI adalah seperti berikut:

- 1) Kemukakan MyKad kepada kakitangan yang mengendalikan terminal MyKad.
- 2) Pengesahan kelayakan dibuat dengan mengimbas MyKad anda.
- 3) Sekiranya anda layak dan mempunyai baki kelayakan BUDI MADANI yang mencukupi, anda perlu memaklumkan jumlah petrol RON95 atau diesel yang ingin dibeli dalam Ringgit Malaysia (contoh: RM50) untuk diinput ke dalam terminal dan dihantar ke pangkalan data pusat BUDI MADANI untuk pengesahan.
- 4) Jika pengesahan berjaya, terminal akan memaparkan kod QR atau butiran transaksi yang perlu dimasukkan ke sistem tempat jualan (POS) stesen minyak tersebut (contohnya dengan mengimbas kod QR daripada terminal atau secara manual) supaya jualan tersebut direkodkan seperti biasa.
- 5) Anda perlu membayar mengikut jumlah diingini dan resit akan dikeluarkan.
- 6) Pam diaktifkan dan anda boleh meneruskan untuk mengisi bahan api.

Keseluruhan proses ini dianggarkan mengambil masa selama 20 saat sehingga pam diaktifkan. (*Nota: Sila rujuk contoh resit seperti di bawah untuk panduan.*)

Contoh


Manifest Rakyat
BUDI MADANI

RESIT PENYELESAIAN
<CDB ORDERID>
<TARIKH DAN MASA>
<NAMA STESEN RAKAN NIAGA>

ANDA TELAH ISI
RM41.62

ANDA TELAH BAYAR
RM20.00

Diesel		
9.524 L @ RM4.37/L		RM41.62
BUDI Diesel		
9.524 L @ RM2.27/L	-	RM21.62

Jumlah bayaran akhir RM20.00

Harga bersubsidi	RM2.10/L
Liter bersubsidi	9.524L

Contoh

Butiran Baki BUDI MADANI

Bulan	<Julai 2026>
Baki Terdahulu	200.000L
Penggunaan Akhir	9.524L

Baki Semasa 190.476L

Butiran Transaksi:

- Terminal ID | serial number
- App version
- Nombor Pam: <Nombor>
- Kaedah Bayaran: <Kaedah>

www.budimadani.gov.my

(b) Terminal Pembayaran Dalam Kedai [Indoor Payment Terminal (IPT)]

Langkah-langkah pembelian melalui BUDI MADANI menggunakan IPT adalah seperti berikut:

- 1) Kemukakan MyKad anda kepada kakitangan yang mengendalikan IPT.
- 2) Pengesahan kelayakan dibuat dengan mengimbas MyKad anda.
- 3) Sekiranya anda layak dan mempunyai baki kelayakan BUDI MADANI yang mencukupi, maklumkan jumlah petrol RON95 atau diesel yang ingin dibeli dalam Ringgit Malaysia (contoh: RM50) untuk dimasukkan ke dalam terminal dan dihantar ke pangkalan data pusat BUDI MADANI untuk pengesahan.
- 4) Jika pengesahan berjaya, anda akan membayar menurut jumlah yang diingini dan resit akan dikeluarkan.
- 5) Pam diaktifkan dan anda boleh meneruskan untuk mengisi bahan api.

(c) Terminal Pembayaran Luar Kedai [Outdoor Payment Terminal (OPT)]

Langkah-langkah pembelian melalui BUDI MADANI menggunakan OPT adalah seperti berikut:

- 1) Masukkan MyKad anda kepada pengimbas OPT untuk pengesahan.
- 2) Sekiranya anda layak dan mempunyai baki kelayakan BUDI MADANI yang mencukupi, anda perlu masukkan/sentuhkan kad kredit/debit untuk proses prakebenaran.
- 3) Seterusnya, memasukkan jumlah petrol RON95 dan diesel yang ingin dibeli dalam Ringgit Malaysia (contoh: RM50) dihantar ke pangkalan data pusat BUDI MADANI untuk pengesahan.
- 4) Jika pengesahan berjaya, anda perlu sahkan pesanan dan membuat pembayaran di terminal OPT menggunakan kad kredit atau debit.
- 5) Pam diaktifkan dan anda boleh meneruskan untuk mengisi bahan api.
- 6) Resit dicetak di OPT berdasarkan jumlah pengisian akhir.


Proses mungkin berbeza antara syarikat minyak melibatkan langkah memasukkan MyKad ke dalam pengimbas OPT iaitu sama ada sebelum atau selepas kad kredit atau debit.

(d) Aplikasi TNG eWallet

Langkah-langkah pembelian melalui BUDI MADANI menggunakan TNG eWallet adalah seperti berikut:

- 1) Anda perlu melakukan e-KYC sekali sahaja untuk membenarkan fungsi BUDI MADANI di dalam aplikasi TNG eWallet.
- 2) Untuk transaksi seterusnya, anda disahkan layak dan mempunyai baki kelayakan BUDI MADANI yang mencukupi.
- 3) Anda perlu memilih stesen minyak yang tepat dan nombor pam yang dikehendaki.
- 4) Anda perlu memilih jumlah petrol RON95 atau diesel yang ingin dibeli dalam Ringgit Malaysia (contoh: RM50) dan maklumat ini akan dihantar ke pangkalan data pusat BUDI MADANI untuk pengesahan.
- 5) Anda perlu mengemukakan kod QR TNG eWallet yang dipaparkan kepada juruwang untuk diimbas sebagai bukti pembayaran dan memasukkan butiran ke dalam sistem (jika disokong). Jika fungsi tersebut tidak disokong, juruwang hendaklah memasukkan butiran pembelian seperti tertera di aplikasi TNG eWallet pelanggan secara manual.
- 6) Pam diaktifkan dan anda boleh meneruskan untuk mengisi bahan api.

Contoh paparan kod QR pesanan berserta jumlah pesanan dalam RM seperti berikut:



Untuk jenis-jenis pembelian lain melalui kaedah ini, sila rujuk bahan panduan pembelian BUDI MADANI TNG eWallet.

e) Aplikasi Syarikat Minyak

Langkah-langkah pembelian menggunakan aplikasi syarikat minyak adalah seperti berikut:

- 1) Pelanggan perlu melakukan e-KYC sekali sahaja untuk membenarkan fungsi BUDI MADANI.
- 2) Untuk transaksi seterusnya, pelanggan disahkan layak dan mempunyai baki kelayakan BUDI MADANI yang mencukupi.
- 3) Pelanggan perlu memilih stesen minyak yang tepat dan nombor pam yang dikehendaki.
- 4) Pelanggan perlu memilih jumlah petrol RON95 atau diesel yang ingin dibeli dalam RM (contoh: RM50) dan maklumat ini akan dihantar ke pangkalan data pusat BUDI MADANI untuk pengesahan.
- 5) Setelah pesanan disahkan, pengguna boleh teruskan pembayaran melalui aplikasi.
- 6) Aplikasi syarikat minyak akan aktifkan pam untuk pengisian jika ia disokong sistem stesen. Jika tidak, bukti pembayaran perlu ditunjukkan kepada kakitangan stesen untuk pengaktifan pam.

Untuk jenis-jenis pembelian lain melalui kaedah ini, sila rujuk bahan panduan pembelian BUDI MADANI aplikasi syarikat minyak berkenaan.

4. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya jumlah isian petrol RON95 atau diesel kurang daripada amaun yang telah dibayar melalui Terminal MyKad BUDI MADANI?

- i. Jika jumlah pengisian adalah kurang daripada jumlah yang telah dibayar, sila maklumkan kepada kakitangan stesen minyak. Mereka akan membantu untuk memuktamadkan transaksi di Terminal MyKad BUDI MADANI berdasarkan jumlah akhir pengisian (dalam liter) yang dipaparkan pada pam.
- ii. Baki amaun akan dipulangkan mengikut kaedah pembayaran asal, manakala baki kelayakan BUDI MADANI yang tidak digunakan akan dikembalikan secara

automatik dalam sistem. Resit akhir akan dikeluarkan berdasarkan jumlah sebenar petrol RON95 atau diesel yang diisi.

5. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya mengisi kurang daripada jumlah yang dibayar melalui TNG eWallet atau aplikasi syarikat minyak?

Jika jumlah pengisian kurang daripada jumlah dibayar, anda perlu maklumkan kepada kakitangan stesen minyak untuk membuat proses penyelesaian pembelian mengikut jumlah akhir minyak yang diisi dan lebihan akan dipulangkan kepada baki e-dompet anda dengan segera.

6. Perlukah MyKad diimbas bagi pembayaran melalui TNG eWallet atau aplikasi syarikat minyak?

Tidak perlu kerana anda telah melengkapkan proses e-KYC dan semakan kelayakan melalui aplikasi tersebut.

7. Perlukah saya mengisi minyak mengikut nombor pam seperti tertera di nota pengesahan e-dompet TNG eWallet?

Anda perlu mengisi minyak mengikut pam yang diaktifkan kakitangan stesen minyak setelah mereka mengimbas nota pengesahan TNG eWallet anda.

8. Perlukah kad pengenalan saya disemak untuk mengisi minyak melalui aplikasi syarikat minyak (contoh: Setel, Shell App, CaltexGo)?

Tidak. Anda boleh membuat pesanan melalui aplikasi syarikat minyak setelah melengkapkan proses wajib e-KYC dan mengesahkan kelayakan dan mempunyai baki kelayakan BUDI MADANI yang mencukupi.

9. Bolehkah saya membayar pembelian saya secara separa TNG eWallet, separa tunai (atau gabungan pembayaran lain)?

Tidak, buat masa ini sistem pembayaran TNG eWallet hanya membolehkan pembayaran sepenuhnya dilakukan.

10. Bolehkah pelanggan membayar secara tunai setelah memulakan pembelian melalui TNG eWallet atau aplikasi syarikat minyak?

Tidak. Jika pelanggan memulakan transaksi menggunakan TNG eWallet atau aplikasi syarikat minyak, pembayaran mesti dilakukan melalui aplikasi berkenaan.

11. Bolehkah saya menggunakan aplikasi e-dompet selain TNG eWallet?

Anda boleh menggunakan aplikasi e-dompet pilihan selain TNG eWallet jika anda membayar melalui terminal pembayaran dalam kedai (IPT) setelah pengesahan Terminal MyKad BUDI MADANI atau terminal pembayaran luar kedai (OPT)*, bergantung kepada penerimaan pengusaha stesen minyak berkenaan. Pada masa ini, semakan, pembelian dan pembayaran dalam aplikasi hanya terhad kepada TNG eWallet dan kaedah pembayaran yang disokong aplikasi syarikat minyak. * *Bergantung kepada tahap sokongan stesen.*

12. Mengapa harga petrol RON95 atau diesel di pam lain daripada harga yang dicetak di resit?

Harga yang dipaparkan di pam merupakan harga tanpa subsidi yang ditetapkan oleh mekanisme apungan harga (APM) manakala harga tertera di resit merupakan harga BUDI MADANI (dengan subsidi Kerajaan). Harga di pam ialah harga untuk dibayar jika tiada subsidi BUDI MADANI.

13. Bolehkah saya membeli kuantiti bahan api melebihi baki kelayakan BUDI MADANI?

Ya. Anda boleh membeli kuantiti bahan api melebihi baki kelayakan anda. Sekiranya baki liter kelayakan anda telah digunakan sepenuhnya, baki jumlah pembelian melebihi kelayakan akan dicaj mengikut harga pam (iaitu harga bahan api tanpa subsidi kerajaan).

14. Bolehkah saya isi penuh bahan api ke dalam kenderaan dan membuat pembayaran kemudian?

Tidak. Sistem pembelian petrol atau diesel bersubsidi melalui BUDI MADANI menetapkan bahawa pembayaran perlu dibuat terlebih dahulu sebelum pengisian minyak dilakukan. Kaedah ini memastikan harga bahan api yang dibeli serta kelayakan BUDI MADANI yang digunakan dapat ditentukan dengan jelas dan tepat bagi setiap transaksi. Transaksi hendaklah dilakukan oleh pemilik MyKad yang sah. Penggunaan atau peminjaman MyKad orang lain bagi tujuan pembelian di bawah program BUDI MADANI adalah tidak dibenarkan.

15. Jika kuantiti yang dibeli melebihi kapasiti kenderaan saya, adakah saya akan mendapat kembali lebihan jumlah baki kelayakan BUDI MADANI yang ditempah?

Ya, apabila anda membeli lebih dari jumlah yang diisi, baki amaun yang dibayar akan dipulangkan melalui cara pembayaran asal dan baki kelayakan BUDI MADANI yang tidak digunakan akan dikembalikan kepada baki bulanan anda.

16. Mengapa jumlah minyak diisi di pam tidak sama dengan jumlah dipesan?

Terdapat kemungkinan jumlah minyak yang diisi (dalam liter) berbeza sedikit sehingga 0.05 liter / RM0.02 disebabkan pembundaran sistem yang digunakan. Sistem BUDI MADANI hanya mengambil kira jumlah yang ditempah dan dibayar melalui kaedah-kaedah pembelian yang dibenarkan. Sekiranya perbezaan lebih besar dari julat di atas, sila hubungi kakitangan stesen untuk mendapatkan bantuan.

17. Saya telah membeli dan mengisi bahan api melalui BUDI MADANI tetapi ada perbezaan antara kuantiti dinyatakan dalam resit pembelian dan kuantiti dipaparkan di pam. Bagaimana cara untuk saya dapatkan bayaran balik dan pengembalian baki?

Jika anda dapati terdapat kesilapan dalam jumlah petrol RON95 atau diesel yang diluluskan dipam dan jumlah yang dipesan sama ada kerana kesilapan manusia atau masalah pam, anda disaran untuk memaklumkan kakitangan stesen tentang

perkara tersebut. Di peringkat sistem BUDI MADI, jika jumlah yang dipesan lebih tinggi dari jumlah akhir petrol RON95 atau diesel yang diisi, hanya jumlah yang diisi akan ditolak dari baki kelayakan BUDI MADANI anda. Jika jumlah akhir pengisian lebih tinggi dari jumlah yang dipesan dan dibayar, hanya jumlah yang dipesan akan ditolak dari baki kelayakan BUDI MADANI anda.

IX. SISTEM DAN TEKNOLOGI

1. Bagaimanakah maklumat peribadi saya dalam MyKad dilindungi daripada sebarang penyalahgunaan?

Maklumat peribadi anda dalam MyKad dilindungi dengan tahap keselamatan yang tinggi melalui sistem yang terkawal dan teknologi pengesahan yang terkini. Proses padanan ini dikendalikan melalui pangkalan data berpusat BUDI MADANI yang dimiliki oleh Kerajaan, dengan pematuhan ketat terhadap piawaian keselamatan dan prinsip perlindungan data.

2. Adakah syarikat minyak dan aplikasi pembayaran seperti Touch 'n Go eWallet dan aplikasi syarikat minyak dapat akses kepada maklumat peribadi saya?

Berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), apabila anda melalui proses pengesahan identiti (e-KYC), anda telah memberi kebenaran untuk data anda diakses melalui aplikasi pembayaran. Aplikasi pembayaran ini tidak akan mendapat akses kepada maklumat peribadi anda, kecuali dengan kebenaran anda apabila anda menggunakan aplikasi tersebut untuk membuat pembayaran.

X. SALURAN BANTUAN DAN PENYELESAIAN MASALAH

1. Apa yang perlu dilakukan jika sistem atau pembaca kad di stesen minyak tidak dapat membaca MyKad saya?

- i. Jika MyKad anda tidak dapat dibaca pada kali pertama, kakitangan stesen minyak akan cuba untuk mengimbas MyKad tersebut sebanyak tiga (3) kali percubaan. Sekiranya ia masih tidak dapat dibaca, kakitangan tersebut akan menyemak kelayakan anda sekali lagi dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda secara manual ke dalam terminal MyKasih atau *indoor payment terminal* (IPT) stesen minyak tersebut.
- ii. Anda dinasihatkan untuk mengganti MyKad anda sekiranya ia mengalami kerosakan atau belum diperbaharui selama lebih dari tempoh 10 tahun.
- iii. Walau bagaimanapun, rakyat tidak perlu tergesa-gesa memperbaharui MyKad sekiranya mereka berjaya menebus bantuan SARA atau Penghargaan SARA, kerana itu membuktikan cip MyKad berfungsi.

2. Apa akan berlaku jika sistem semakan subsidi di stesen minyak tidak berfungsi atau stesen minyak tiada sambungan internet?

Setiap pengendali stesen minyak akan mempunyai perancangan kesinambungan perniagaan (BCP) tersendiri untuk membolehkan rakyat Malaysia terus membeli petrol RON95 atau diesel pada harga bersubsidi sekiranya sistem mengalami gangguan atau sambungan internet tergendala.

3. Jika saya mahu membuat aduan atau laporan berkenaan pembelian BUDI MADANI, apakah maklumat yang diperlukan?

- i. Bagi mengemukakan sebarang aduan, **bantuan atau penjelasan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan BUDI MADANI di 1300-88-9595, WhatsApp di +603-2631 4595 atau e-mel di tanya@budimadani.gov.my.**

- ii. Sila pastikan anda mempunyai butiran-butiran berikut untuk membuat aduan yang lengkap dan memudahkan penyelesaian isu:
 - a. resit pembelian (termasuk resit akhir jika ada);
 - b. nombor rujukan;
 - c. nama dan alamat stesen;
 - d. gambar paparan jumlah di pam (jika berkenaan);
 - e. gambar/tangkap layar mesej ralat di paparan pam/aplikasi; dan
 - f. lain-lain butiran yang berkenaan.

4. Sekiranya saya kehilangan Kad Pengenalan, adakah surat pengesahan sementara atau laporan polis boleh digunakan sebagai pengganti untuk urusan pembelian bahan api?

- i. Bagi memastikan ketepatan dan keselamatan dalam sistem pengesahan identiti pelanggan, hanya kad pengenalan fizikal (MyKad) yang diterima pakai dalam urusan pembelian bahan api.
- ii. Anda dinasihatkan untuk memohon penggantian MyKad dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) secepat mungkin dan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh JPN.

5. Sekiranya Kad Pengenalan saya hilang atau dicuri, apakah proses yang perlu saya lakukan?

- i. Langkah-langkah untuk menguruskan MyKad yang hilang/dicuri:
 - a. **Buat laporan polis dengan segera**
 - Pergi ke balai polis terdekat untuk membuat laporan polis sebagai bukti kehilangan MyKad anda.
 - Laporan ini penting untuk mengelakkan penyalahgunaan MyKad anda untuk tujuan jenayah.
 - Simpan salinan laporan polis tersebut untuk tujuan permohonan gantian.

b. Mohon gantian MyKad di JPN

- Kaunter JPN: Hadir ke mana-mana cawangan JPN dengan membawa laporan polis dan dokumen pengesahan lain yang diperlukan.
- Permohonan dalam talian: Lawati laman web rasmi JPN di www.jpn.gov.my dan gunakan aplikasi Sistem Gantian MyKad.
- Untuk permohonan dalam talian, anda perlu mendaftar dan mengisi butiran yang diminta, membuat pembayaran dan kemudian mengambil kad di cawangan JPN yang dipilih.

ii. Perkara penting untuk perhatian:

- a. Jangan tangguh proses ini kerana MyKad ialah dokumen sangat penting.
- b. Untuk kehilangan kali pertama, anda boleh terus ke kaunter JPN tanpa laporan polis.
- c. Untuk kehilangan kali kedua dan seterusnya, laporan polis adalah wajib.
- d. Permohonan gantian akan dikenakan bayaran mengikut penetapan JPN.
- e. Bagi kehilangan MyKad kali ketiga (3) dan seterusnya, proses pengeluaran semula MyKad akan mengambil masa satu (1) bulan kerana perlu dibawa dan diputuskan melalui Mesyuarat Panel Jawatankuasa berkaitan.

6. Berapa lamakah tempoh permohonan MyKad boleh disiapkan?

- i. MyKad boleh disiapkan dalam tempoh 30 minit bagi pemohon yang memilih untuk membuat kutipan MyKadnya di Ibu Pejabat JPN dan JPN yang mempunyai mesin cetakan.
- ii. Bagi pemohon yang memilih untuk membuat kutipan MyKadnya di mana-mana pejabat cawangan JPN lain di Semenanjung Malaysia, MyKad akan disiapkan dalam tempoh 5 hari bekerja. Manakala 7 hari bekerja bagi pemohon yang memilih untuk membuat kutipan MyKadnya di mana-mana pejabat cawangan JPN di Sabah, Sarawak dan Labuan. Piagam MyKad siap ini hanya melibatkan permohonan dari Warganegara Malaysia dan permohonan tidak bermasalah sahaja.

7. Saya telah kehilangan kad pengenalan untuk kali kedua. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda boleh hadir ke mana-mana pejabat JPN yang berhampiran dengan mengemukakan laporan polis yang menyatakan sebab kehilangan kad pengenalan tersebut dan ikut langkah-langkah seperti jawapan di Soalan 5.

8. Saya telah berumur 25 tahun dan masih belum memiliki kad pengenalan. Apakah yang perlu saya lakukan?

i. Bagi mereka yang belum memiliki kad pengenalan walaupun telah berumur lebih 16 tahun adalah dinasihatkan untuk pergi ke mana-mana JPN yang berhampiran untuk memohon daftar lewat kad pengenalan. Pemohon dan penganjur perlu hadir bersama-sama untuk ditemuduga, dengan membawa bersama-sama dokumen berikut:

- a. Sijil Lahir Pemohon/Sijil AnakAngkat/Borang W; atau
- b. Kad Pengenalan Penganjur.

9. Adakah apa-apa bayaran yang dikenakan sekiranya berlaku kerosakan terhadap cip di kad pengenalan saya?

Kerosakan cip yang bukan disebabkan oleh kerosakan sengaja, salah guna dan sebagainya dalam tempoh satu tahun dari tarikh penyerahan kad adalah diberi gantian secara percuma, dan jika tempoh kad telah dipegang oleh pemohon melebihi satu tahun, bayaran sebanyak RM 10.00 dikenakan.

10. Apakah bayaran untuk penggantian bagi MyKad yang hilang atau rosak?

Jadual bayaran untuk penggantian Kad Pengenalan (MyKad) adalah berbeza mengikut situasi.

i. Bayaran Ganti MyKad Rosak

- Warganegara: RM10
- Permohonan Percuma: Tiada bayaran dikenakan jika permohonan gantian dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kad rosak

ii. **Bayaran Ganti MyKad Hilang**

- Kehilangan Kali Pertama: RM110
- Kehilangan Kali Kedua: RM310
- Kehilangan Kali Ketiga dan Seterusnya: RM1,010

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan MyKad?

Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman web Jabatan Pendaftaran Negara di pautan <https://www.jpn.gov.my/my/soalan-lazim/soalan-lazim-kad-pengenalan>

XI. PORTAL RASMI BUDI MADANI

1. Apakah sumber maklumat atau bantuan yang boleh saya hubungi?

- i. Sekiranya anda memerlukan maklumat atau bantuan berkenaan program BUDI MADANI, sila hubungi talian khidmat BUDI MADANI di 1300-88-9595.
- ii. Anda juga boleh menggunakan bot sembang (chatbot) dengan menghubungi +603-2631 4595 melalui aplikasi Whatsapp.
- iii. Anda juga boleh melayari laman web BUDI MADANI di laman sesawang <https://www.budimadani.gov.my/>

2. Mengapakah MyDigital ID digunakan untuk log masuk portal rasmi BUDI MADANI?

1. MyDigital ID digunakan untuk memastikan kesahihan identiti digital di samping menjamin keselamatan transaksi dalam talian.
2. Anda boleh dapatkan maklumat lanjut tentang MyDigital ID di laman sesawang <https://www.digital-id.my/>

3. Pendaftaran saya akan sah sehingga bila?

Pada masa ini, tiada tarikh tamat bagi pendaftaran di portal rasmi BUDI MADANI.

XII. PERALIHAN BUDI INDIVIDU KEPADA BUDI MADANI DIESEL MELALUI MEKANISME MYKAD

1. Apakah status pelaksanaan BUDI Individu sedia ada susulan peralihan kepada BUDI MADANI Diesel?

Mekanisme bantuan tunai BUDI Individu sedia ada akan beralih kepada BUDI MADANI Diesel melalui mekanisme MyKad.

Sebelum ini, penerima BUDI Individu yang diluluskan menerima bantuan tunai bulanan bagi subsidi diesel. Selepas ini, pengguna yang layak boleh menikmati diesel pada harga bersubsidi secara terus di stesen minyak melalui pembelian menggunakan MyKad, tertakluk kepada kelayakan dan baki liter subsidi yang diluluskan. Mekanisme ini merupakan mekanisme sama yang digunakan bagi pembelian petrol bersubsidi di bawah BUDI95.

Semua semakan kelayakan, rekod transaksi dan permohonan berkaitan BUDI Diesel melalui mekanisme MyKad akan dibuat melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

2. Apakah perbezaan antara bantuan tunai BUDI Individu sebelum ini dengan mekanisme BUDI MADANI Diesel melalui MyKad?

Di bawah mekanisme BUDI Individu sebelum ini, penerima yang diluluskan menerima bantuan tunai bulanan.

Di bawah mekanisme BUDI MADANI Diesel melalui MyKad, pengguna yang layak boleh membeli diesel pada harga bersubsidi secara terus di stesen minyak menggunakan MyKad, tertakluk kepada kelayakan liter yang diluluskan dan baki bulanan yang tersedia.

Rekod bantuan tunai BUDI Individu terdahulu adalah berasingan daripada rekod transaksi BUDI MADANI Diesel yang baharu.

3. Adakah portal BUDI Individu sedia ada masih boleh diakses selepas peralihan ini?

Permohonan BUDI Individu sedia ada akan ditutup bagi permohonan baharu pada tarikh yang akan ditentukan dan dimaklumkan kelak.

Pada masa yang sama, bagi penerima sedia ada BUDI Individu, pautan khusus akan terus disediakan semasa tempoh peralihan bagi membolehkan pengguna menyemak rekod BUDI Individu dan maklumat bantuan tunai terdahulu yang pernah diterima, sekiranya berkenaan.

Setelah transaksi pembelian melalui mekanisme MyKad dimulakan, pengguna boleh menyemak rekod transaksi pembelian BUDI MADANI dengan melayari portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my dan log masuk menggunakan MyDigital ID. Rekod transaksi yang dipaparkan berdasarkan kelayakan bahan api bersubsidi setiap pengguna.

4. Adakah penerima BUDI Individu yang telah diluluskan perlu mengemukakan permohonan baharu?

Individu yang lulus BUDI Individu dan telah menerima pembayaran tunai akhir pada 8 Jun 2026 akan beralih secara automatik kepada mekanisme MyKad BUDI MADANI Diesel dan tidak perlu mengemukakan permohonan baharu memandangkan penggunaan liter kelayakan gabungan bagi pembelian diesel bersubsidi adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

Bagi individu dalam kategori ini yang memiliki kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak, kelayakan tambahan 100 liter juga akan diberikan secara automatik, tertakluk kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.

5. Bagaimanakah kelayakan tambahan bagi penerima yang telah diluluskan dan memiliki kenderaan jip atau pick-up yang layak akan dilaksanakan?

Penerima BUDI Individu telah menerima pembayaran tunai akhir pada 8 Jun 2026 dan memiliki kenderaan jip atau pick-up yang layak tidak perlu mengemukakan permohonan berasingan bagi mendapatkan kelayakan liter tambahan.

Kelayakan tambahan tersebut akan diluluskan secara automatik, tertakluk kepada kriteria kelayakan yang berkenaan.

Tarikh pengaktifan tambahan 100 liter tersebut adalah bermula pada tarikh pelaksanaan BUDI MADANI. Pengguna perlu menyemak kelayakan dan jumlah liter yang diluluskan melalui portal BUDI MADANI.

6. Apakah kemudahan yang akan dinikmati oleh penerima BUDI Individu yang telah diluluskan di bawah mekanisme baharu ini?

Penerima BUDI Individu yang telah diluluskan dan memenuhi kriteria kelayakan BUDI Diesel boleh membeli diesel pada harga bersubsidi menggunakan MyKad di bawah mekanisme BUDI MADANI Diesel.

Ini bermaksud individu dalam kategori ini juga boleh menggunakan kelayakan liter subsidi yang diluluskan secara fleksibel bagi pembelian petrol RON95 dan diesel, tertakluk kepada kategori kelayakan masing-masing dan baki bulanan yang masih tersedia.

7. Apakah jenis produk diesel yang boleh dibeli pada harga bersubsidi di bawah BUDI MADANI Diesel?

Produk diesel bersubsidi yang boleh dibeli di bawah BUDI MADANI Diesel ialah diesel B10 sebagai produk asas, atau mana-mana produk diesel lain yang diluluskan oleh Kerajaan sebagai produk diesel bersubsidi. Ini termasuk produk diesel yang mendapat kelulusan khas untuk dijual pada harga subsidi yang sama seperti harga diesel B10 bersubsidi.

Pembelian juga adalah tertakluk kepada kelayakan pengguna, baki kelayakan bahan api yang masih tersedia serta ketersediaan produk diesel bersubsidi di stesen minyak berkenaan.

8. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh penerima bantuan tunai BUDI Individu?

Tiada tindakan selanjutnya yang perlu diambil. Penerima yang telah diluluskan boleh melayari www.budimadani.gov.my untuk menyemak kelayakan mereka setelah portal tersebut dibuka untuk semakan.

9. Bagaimanakah status permohonan BUDI Individu yang dikemukakan mulai 1 Jun 2026 sehingga tarikh penutupan permohonan BUDI Individu?

Permohonan yang dikemukakan mulai 1 Jun 2026 sehingga tarikh penutupan portal BUDI Individu akan diproses.

Sekiranya pemohon memenuhi syarat kelayakan yang berkenaan, pemohon akan dialihkan kepada mekanisme MyKad BUDI MADANI Diesel dan boleh membeli diesel pada harga bersubsidi menggunakan kelayakan liter gabung melalui MyKad.

10. Adakah pemohon mulai 1 Jun 2026 perlu mengemukakan permohonan berasingan bagi kelayakan tambahan untuk kenderaan jip atau pick-up?

Ya, memandangkan tiada kelulusan dikemukakan bagi permohonan ini, permohonan kelayakan tambahan bagi pemilik jip atau pick-up yang layak perlu dikemukakan melalui portal BUDI MADANI.

Kelulusan kelayakan tambahan adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.

11. Bagaimanakah kedudukan individu yang pernah memohon BUDI Individu tetapi tidak diluluskan?

Individu yang pernah memohon BUDI Individu tetapi tidak diluluskan boleh menyemak kelayakan mereka di bawah mekanisme BUDI MADANI Diesel melalui portal BUDI MADANI.

Permohonan yang tidak diluluskan di bawah BUDI Individu sebelum ini tidak semestinya bermaksud individu tersebut tidak layak di bawah BUDI MADANI Diesel. Kelayakan akan ditentukan berdasarkan kriteria dan data terkini di bawah mekanisme BUDI MADANI.

Permohonan kelayakan tambahan bagi pemilik jip atau pick-up yang layak perlu dikemukakan melalui portal BUDI MADANI. Kelulusan kelayakan tambahan adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.

12. Adakah pengguna masih boleh menyemak rekod bantuan tunai BUDI Individu terdahulu?

Ya. Pengguna masih boleh menyemak rekod BUDI Individu terdahulu dan maklumat bantuan tunai yang pernah diterima bagi tempoh peralihan yang terhad, sekiranya berkenaan.

Fungsi permohonan BUDI Individu akan ditutup, namun pengguna masih boleh mengakses rekod bayaran terdahulu melalui papan pemuka lama atau pautan khusus bagi rekod terdahulu.

Pengguna digalakkan untuk menyemak dan menyimpan rekod masing-masing dalam tempoh peralihan tersebut.

13. Adakah rekod bantuan tunai BUDI Individu terdahulu akan dipaparkan dalam rekod transaksi BUDI MADANI Diesel?

Rekod bantuan tunai BUDI Individu terdahulu adalah berasingan daripada rekod transaksi MyKad BUDI MADANI Diesel yang baharu.

Portal BUDI MADANI akan memaparkan kelayakan, baki dan rekod transaksi di bawah mekanisme MyKad yang baharu mulai tarikh pelaksanaannya. Rekod bantuan tunai BUDI Individu terdahulu boleh disemak melalui papan pemuka BUDI Individu lama atau pautan khusus rekod terdahulu, sekiranya berkenaan.

14. Di manakah pengguna boleh membuat semakan kelayakan dan urusan berkaitan BUDI MADANI Diesel selepas peralihan ini?

Pengguna perlu melayari portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

Portal BUDI MADANI akan menjadi saluran utama untuk menyemak kelayakan BUDI Diesel, menyemak baki liter subsidi dan rekod transaksi, serta mengemukakan permohonan kelayakan tambahan, sekiranya berkenaan.

15. Bilakah semakan kelayakan dan pembelian diesel bersubsidi melalui MyKad boleh dibuat?

Semakan kelayakan dan permohonan kelayakan tambahan boleh dibuat mulai 22 Jun 2026, manakala tarikh pengaktifan rasmi bagi pembelian diesel bersubsidi di stesen minyak adalah tertakluk kepada pengumuman rasmi Kerajaan. Ini bermaksud pengguna boleh menyemak kelayakan dan mengemukakan permohonan melalui portal BUDI MADANI serta boleh menggunakan liter kelayakan gabungan untuk membeli BUDI95 dan BUDI Diesel.

Pemprosesan permohonan kelayakan tambahan akan dibuat secara mingguan dan status kelayakan boleh disemak setiap hari Jumaat.

16. Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya pengguna boleh menyemak kelayakan tetapi belum boleh membuat pembelian diesel bersubsidi di stesen minyak?

Pengguna akan dimaklumkan berkenaan tarikh pengaktifan rasmi bagi pembelian diesel bersubsidi di stesen minyak.

Dalam tempoh peralihan, semakan kelayakan dan permohonan kelayakan tambahan akan dibuka terlebih dahulu bagi membolehkan pengguna mengesahkan status mereka dan sekiranya layak, mengemukakan permohonan kelayakan tambahan. Pembelian diesel di stesen minyak hanya boleh dibuat apabila mekanisme MyKad diaktifkan untuk pembelian.

17. Adakah peralihan kepada mekanisme MyKad ini turut melibatkan BUDI Agri-Komoditi?

Tidak. Peralihan kepada mekanisme MyKad hanya melibatkan BUDI Individu. BUDI Agri-Komoditi akan terus dibayar melalui bantuan tunai dan permohonan perlu dibuat bagi permohonan baharu. Penerima BUDI Agri-Komoditi perlu terus mengikuti arahan yang disediakan bagi program tersebut.

18. Bagaimanakah sekiranya pengguna layak bagi kedua-dua BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi?

Peralihan kepada mekanisme MyKad hanya melibatkan komponen BUDI Individu. Sekiranya pengguna turut layak bagi BUDI Agri-Komoditi, permohonan perlu dibuat dengan melayari www.budimadani.gov.my dan klik butang “BUDI Agri-Komoditi” dan mengemukakan permohonan.

19. Bagaimana pula dengan pengguna selain kenderaan individu yang perlu menggunakan diesel untuk kegunaan harian? Adakah kami layak untuk menerima BUDI MADANI Diesel tanpa memiliki kenderaan diesel?

Kerajaan amat prihatin dengan kumpulan sasar terpilih seperti pengusaha bot, pengguna genset dan pam air untuk kegunaan kediaman di kawasan pedalaman yang turut memerlukan pembelian diesel untuk kegunaan harian. Individu ini juga layak menerima BUDI MADANI Diesel melalui mekanisme MyKad, tertakluk kepada syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan oleh Agensi Kerajaan atau Kerajaan Negeri berkaitan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai permohonan kelayakan BUDI MADANI Diesel bagi pengguna selain kenderaan individu boleh menghubungi Agensi Kerajaan atau Pejabat Daerah berkaitan.

Penerima yang telah diluluskan boleh melayari www.budimadani.gov.my untuk menyemak kelayakan mereka setelah portal tersebut dibuka untuk semakan.

XIII. PERMOHONAN KELAYAKAN TAMBAHAN BUDI MADANI BAGI KENDERAAN DIESEL JENIS JIP DAN PICK-UP

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kelayakan liter tambahan BUDI MADANI?

Kelayakan liter tambahan BUDI MADANI merujuk kepada kelayakan tambahan yang diberikan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian individu jenis jip atau pick-up yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan. Kelayakan tambahan BUDI MADANI 100 liter ini boleh dipohon, menjadikan jumlah kelayakan sehingga 300 liter sebulan.

2. Siapakah yang layak memohon kelayakan tambahan BUDI MADANI?

Permohonan kelayakan liter tambahan boleh dikemukakan oleh warganegara Malaysia yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Memegang kad pengenalan (MyKad) yang sah;
- ii. Mempunyai lesen memandu aktif bagi kelas dan jenis yang dibenarkan;
- iii. Memiliki kenderaan diesel persendirian individu jenis pick-up atau jip yang berdaftar atas nama pemegang lesen memandu yang layak dan kenderaan tersebut mempunyai Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang aktif.

Kelayakan tambahan ini tidak diberikan secara automatik dan permohonan perlu dikemukakan di pautan <https://www.budimadani.gov.my/>.

Kelayakan adalah tertakluk kepada semakan dan pengesahan data dengan agensi berkaitan, termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

3. Adakah semua pemilik kenderaan diesel boleh memohon kelayakan tambahan BUDI Diesel?

Buat masa ini, kelayakan tambahan hanya dibuka kepada pemilik kenderaan diesel persendirian individu jenis jip atau pick-up yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan.

4. Sekiranya saya memiliki kenderaan jenis jip atau pick-up tetapi menggunakan petrol, adakah saya boleh memohon kelayakan tambahan?

Kelayakan tambahan bagi kategori jip atau pick-up hanya terpakai kepada kenderaan diesel persendirian individu yang memenuhi kriteria kelayakan buat masa ini.

5. Berapakah jumlah kelayakan tambahan BUDI Diesel?

Khusus untuk pemilik kenderaan diesel persendirian individu jenis jip atau pick-up yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan, kelayakan tambahan BUDI MADANI 100 liter boleh dipohon, menjadikan jumlah kelayakan sehingga 300 liter sebulan.

Jumlah kelayakan tambahan ini akan ditambah kepada kelayakan asas BUDI MADANI pengguna.

6. Mengapakah kelayakan liter tambahan diperkenalkan?

Kelayakan liter tambahan diperkenalkan mengambil kira keperluan penggunaan diesel yang lebih tinggi dalam kalangan pemilik kenderaan diesel jenis pick-up dan jip yang digunakan untuk aktiviti keusahawanan, pertanian, kerja lapangan dan kegunaan ekonomi lain, serta pemilik kenderaan jip yang bergantung kepada kenderaan tersebut sebagai mod pengangkutan utama, khususnya di kawasan pedalaman atau kawasan yang memerlukan kenderaan lasak.

7. Bagaimanakah cara untuk memohon kelayakan liter tambahan BUDI MADANI?

Permohonan kelayakan tambahan boleh dibuat di portal rasmi BUDI MADANI di laman sesawang www.budimadani.gov.my dengan langkah-langkah berikut:

- i. Klik pautan "BUDI MADANI";
- ii. Log masuk melalui MyDigital ID;
- iii. Klik pada drop down menu BUDI Rakyat;
- iv. Lengkapkan maklumat peribadi;
- v. Lengkapkan maklumat kenderaan diesel;
- vi. Pilih justifikasi permohonan yang berkaitan dan klik "Seterusnya";
- vii. Semak dan sahkan maklumat yang telah diisi; dan
- viii. Klik "Hantar". Pemohon akan menerima e-mel pengesahan bahawa permohonan telah berjaya diterima.

8. Apakah dokumen atau maklumat yang diperlukan bagi permohonan kelayakan liter tambahan?

Pemohon perlu melengkapkan maklumat yang diminta dalam portal BUDI MADANI, termasuk maklumat peribadi, maklumat kenderaan diesel dan justifikasi permohonan.

Pada asasnya, semakan kelayakan akan dibuat melalui semakan silang data dengan agensi berkaitan.

9. Adakah permohonan kelayakan tambahan perlu dibuat setiap bulan?

Tidak. Status kelayakan anda akan dikemas kini secara automatik melalui semakan silang dengan data JPJ secara mingguan.

10. Bilakah keputusan atau kelayakan liter tambahan yang diluluskan akan dipaparkan?

Semakan permohonan kelayakan tambahan boleh dibuat mulai 22 Jun 2026, manakala tarikh pengaktifan rasmi bagi pembelian diesel bersubsidi di stesen minyak adalah tertakluk kepada pengumuman rasmi Kerajaan. Ini bermaksud pengguna boleh menyemak kelayakan dan mengemukakan permohonan melalui portal BUDI MADANI.

Semakan silang data akan dibuat secara mingguan dan status kelayakan boleh disemak setiap hari Jumaat.

11. Sekiranya Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) saya telah tamat tempoh, adakah kelayakan liter tambahan untuk kenderaan jenis jip dan pick-up perlu dimohon semula atau akan dikemas kini secara automatik?

Tidak, anda tidak perlu membuat permohonan baharu. Status kelayakan anda akan dikemas kini secara automatik melalui semakan silang dengan data JPJ secara mingguan, setelah cukai jalan anda diperbaharui.

12. Saya telah memperbaharui cukai jalan tetapi status kelayakan tambahan masih belum dikemas kini. Apakah yang perlu saya lakukan?

Sekiranya cukai jalan telah diperbaharui tetapi status masih belum dikemas kini, pengguna dinasihatkan untuk membuat semakan semula selepas tempoh kemas kini data berikutnya.

Sekiranya status masih tidak berubah selepas tempoh tersebut, pengguna boleh menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI atau membuat semakan lanjut dengan JPJ.

13. Apakah yang berlaku sekiranya kenderaan jip atau pick-up dijual atau ditukar hak milik?

Kelayakan tambahan adalah bergantung kepada status pemohon sebagai pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian individu jenis jip atau pick-up yang layak.

Sekiranya kenderaan tersebut dijual, dilupuskan atau ditukar hak milik sehingga tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan, kelayakan liter tambahan ini akan terbatal.

14. Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya permohonan kelayakan tambahan tidak diluluskan?

Sekiranya permohonan kelayakan tambahan tidak diluluskan disebabkan maklumat kenderaan atau status kenderaan, pemohon perlu membuat semakan atau pengemaskinian maklumat di JPJ.

Selepas maklumat dikemas kini oleh agensi berkaitan, pemohon boleh membuat semakan semula kelayakan melalui portal rasmi BUDI MADANI secara mingguan berdasarkan tempoh kemas kini data yang ditetapkan, iaitu secara mingguan.

15. Adakah kelayakan tambahan boleh digunakan untuk membeli petrol RON95?

Kelayakan tambahan (liter) diberikan bagi memenuhi keperluan penggunaan diesel oleh pemilik kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak.

16. Bagaimanakah kelayakan tambahan bagi penerima BUDI Individu yang telah diluluskan akan dilaksanakan?

Penerima BUDI Individu telah menerima pembayaran tunai akhir pada 8 Jun 2026 dan memiliki kenderaan jip atau pick-up yang layak tidak perlu mengemukakan permohonan berasingan bagi mendapatkan kelayakan liter tambahan.

Kelayakan tambahan tersebut akan diluluskan secara automatik, tertakluk kepada kriteria kelayakan yang berkenaan.

Tarikh pengaktifan tambahan 100 liter tersebut adalah bermula pada tarikh pelaksanaan BUDI MADANI. Pengguna perlu menyemak kelayakan dan jumlah liter yang diluluskan melalui portal BUDI MADANI.

17. Adakah pemohon mulai 1 Jun 2026 perlu mengemukakan permohonan berasingan bagi kelayakan tambahan untuk kenderaan jip atau pick-up?

Ya, memandangkan tiada kelulusan dikemukakan bagi permohonan ini, permohonan kelayakan tambahan bagi pemilik jip atau pick-up yang layak perlu dikemukakan melalui portal BUDI MADANI.

Kelulusan kelayakan tambahan adalah tertakluk kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.

18. Adakah kenderaan pick-up yang didaftarkan atas nama syarikat layak memohon kelayakan tambahan?

Kelayakan tambahan BUDI Diesel hanya terpakai kepada kenderaan diesel persendirian individu jenis jip atau pick-up yang didaftarkan atas nama individu yang memenuhi kriteria kelayakan.

Kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat, pertubuhan atau entiti bukan individu tidak layak memohon kelayakan tambahan di bawah BUDI MADANI individu. Bagi kenderaan syarikat atau kenderaan komersial, pemilik atau pengusaha boleh merujuk kepada mekanisme subsidi yang berkaitan seperti MySubsidi Diesel / SKDS, tertakluk kepada kelayakan yang ditetapkan oleh KPDN.

19. Jika saya memiliki lebih daripada satu kenderaan diesel jenis jip atau pick-up, adakah saya boleh menerima kelayakan tambahan bagi setiap kenderaan?

Kelayakan BUDI MADANI diberikan kepada individu yang layak berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan. Oleh itu, pemilikan lebih daripada satu kenderaan diesel jenis jip atau pick-up tidak akan menambah jumlah kelayakan BUDI MADANI bulanan anda.

20. Bagaimanakah saya boleh menyemak status permohonan kelayakan tambahan?

Status permohonan kelayakan tambahan boleh disemak melalui portal rasmi BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

Pengguna juga boleh menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI di 1300-88-9595, WhatsApp di +603-26314595 atau e-mel di tanya@budimadani.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut.

XIV. PEMINDAHAN KELAYAKAN BUDI DIESEL KEPADA AHLI KELUARGA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Pemindahan kelayakan BUDI Diesel merujuk kepada proses yang membenarkan penerima BUDI MADANI yang layak BUDI Diesel untuk memindahkan fungsi membeli diesel bersubsidi mereka kepada seorang ahli keluarga terdekat yang dibenarkan.

Melalui mekanisme ini, ahli keluarga yang menerima pemindahan fungsi tersebut, yang pada asalnya hanya boleh membeli RON95 bersubsidi, boleh membeli diesel bersubsidi menggunakan MyKad.

2. Siapakah yang layak memohon Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel hendaklah dikemukakan oleh penerima asal kelayakan BUDI Diesel, iaitu pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian individu yang telah memenuhi syarat kelayakan BUDI Diesel berikut:

- i. Memiliki lesen memandu aktif bagi kelas dan jenis yang dibenarkan;
- ii. Memegang Kad Pengenalan (MyKad) yang sah;
- iii. Memiliki kenderaan diesel persendirian individu berdaftar atas nama sendiri; dan
- iv. Kenderaan tersebut mempunyai Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang aktif.

3. Siapakah yang layak menerima Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dibuat kepada seorang ahli keluarga terdekat yang merupakan warganegara Malaysia, pemegang MyKad yang sah dan layak menerima BUDI95 seperti berikut:

- i. Pasangan, iaitu suami atau isteri;
- ii. Ibu atau bapa;
- iii. Anak; atau
- iv. Adik-beradik.

Pemindahan kelayakan hanya dibenarkan sekali dan kepada satu (1) individu sahaja.

4. Apakah kesan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel terhadap liter kelayakan bulanan?

Pemindahan kelayakan BUDI Diesel kepada ahli keluarga membolehkan penerima yang diluluskan untuk menggunakan MyKad masing-masing bagi membeli diesel bersubsidi berdasarkan kelayakan BUDI Diesel pemilik asal iaitu terbahagi kepada dua (2) keadaan berikut:

- i. pemindahan hanya melibatkan fungsi membeli diesel bersubsidi dengan kelayakan liter yang sama; atau
- ii. pemindahan melibatkan fungsi membeli diesel bersubsidi dan kelayakan tambahan 100 liter, sekiranya pemilik asal merupakan pemilik kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak.

Ini bermakna, kelayakan liter bulanan penerima bergantung kepada kelayakan pemilik asal. Selain itu, pemilik asal yang telah memindahkan kelayakan BUDI Diesel tidak lagi boleh menggunakan fungsi membeli diesel bersubsidi dan tidak lagi menerima kelayakan tambahan 100 liter yang telah dipindahkan.

5. Bolehkah individu penerima membuat permohonan kelayakan tambahan BUDI MADANI 100 liter?

Individu penerima tidak boleh mengemukakan permohonan kelayakan tambahan BUDI MADANI secara berasingan.

Kelayakan liter tambahan hanya boleh dipindahkan bersama fungsi membeli diesel bersubsidi sekiranya pemilik asal telah memohon dan memenuhi kriteria kelayakan bagi kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak.

6. Berapa kalikah permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dikemukakan?

Permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel hanya dibenarkan sekali sahaja bagi setiap individu yang layak.

Pemindahan kelayakan yang telah diluluskan adalah muktamad, bersifat sehalal dan tidak boleh dibatalkan, dipindahkan semula kepada pemilik asal atau dipindahkan kepada individu lain pada masa hadapan.

Sehubungan itu, pemohon dinasihatkan untuk memastikan maklumat penerima yang dipilih adalah tepat sebelum mengemukakan permohonan.

Walau bagaimanapun, pemakluman perlu dikemukakan dalam keadaan berikut:

- i. Kematian penerima yang telah didaftarkan; atau
- ii. Perpisahan sah di sisi undang-undang iaitu perceraian yang diiktiraf secara rasmi.

Di luar keadaan di atas, pemindahan kelayakan tidak boleh dibatalkan atau ditukar kepada individu lain.

Pemakluman boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI melalui emel tanya@budimadani.gov.my dengan mengemukakan maklumat bagi penerima asal dan individu yang akan menerima kelayakan.

7. Apakah maklumat yang diperlukan bagi tujuan permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Penerima asal kelayakan BUDI Diesel hendaklah mengemukakan permohonan melalui www.budimadani.gov.my dan mengemukakan maklumat berikut bagi penerima asal dan individu yang akan menerima kelayakan:

- i. Nama dan Nombor Kad Pengenalan (MyKad);
- ii. Nombor Pengenalan Cukai (TIN);
- iii. Nombor telefon yang boleh dihubungi; dan
- iv. Status kelayakan BUDI MADANI.

Tiada dokumen sokongan yang diperlukan bagi permohonan ini. Pelaksanaan semakan kelayakan tertakluk kepada pengesahan, kemas kini dan semak silang data dengan agensi-agensi berkaitan.

8. Bolehkah saya memindahkan semula kelayakan kepada penerima asal atau kepada individu lain pada masa hadapan?

Tidak. Pemindahan kelayakan yang telah diluluskan tidak boleh dipindahkan semula kepada penerima asal atau dipindahkan kepada individu lain. Permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel ini hanya dibenarkan kepada satu (1) individu dan sekali sahaja, kecuali dalam keadaan yang dinyatakan dalam soalan 6 di atas.

9. Bagaimana saya boleh menyemak status permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Semakan status permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dibuat melalui portal rasmi BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my. Pemprosesan permohonan akan dibuat secara bulanan dan pemindahan kelayakan yang diluluskan akan dikemas kini dan dipaparkan mulai 1 hari bulan berikutnya, tertakluk kepada, pemprosesan dan pengemaskinian permohonan yang dikemukakan selewat-lewatnya 27 hari bulan pada bulan sebelumnya.

Pengguna juga boleh menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI di 1300-88-9595, WhatsApp di +603-26314595 atau e-mel di tanya@budimadani.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut.

10. Bilakah permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dikemukakan dan bilakah individu penerima boleh mula membeli diesel bersubsidi?

Bagi peringkat pertama, permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 12 Julai 2026.

Mulai bulan Ogos 2026 dan seterusnya, permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 27 hari bulan pada bulan sebelumnya untuk diproses bagi bulan seterusnya (contoh: kelayakan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 27 Julai 2026 bagi membolehkan kelayakan digunakan mulai 1 Ogos 2026).

Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan diproses dalam bulan berikutnya tertakluk kepada semakan dan pengesahan data.

Pemilik asal boleh membuat permohonan melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

11. Bagaimanakah individu penerima boleh mengesahkan bahawa pemindahan kelayakan telah diproses?

Individu penerima boleh menyemak kelayakan melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my menggunakan nombor MyKad masing-masing. Sekiranya data telah diterima, diproses dan memenuhi kriteria yang ditetapkan, status kelayakan akan dipaparkan melalui portal tersebut.

12. Jika saya memiliki lebih daripada satu kenderaan diesel dan salah satunya digunakan oleh ahli keluarga, bolehkah saya memindahkan kelayakan kepada ahli keluarga tersebut sambil mengekalkan kelayakan saya sendiri?

Tidak. Kelayakan BUDI Diesel diberikan kepada individu, bukan kepada kenderaan. Apabila pemindahan kelayakan dikemukakan, keupayaan pembelian diesel bersubsidi beralih sepenuhnya kepada penerima yang dipilih. Pemilik asal dan penerima tidak boleh menggunakan kelayakan yang sama secara serentak. Pemilikan lebih daripada satu kenderaan diesel tidak mengubah syarat ini.

13. Adakah pemindahan kelayakan masih terpakai sekiranya pemilik asal menjual atau menukar hak milik kenderaan diesel tersebut?

Pemindahan kelayakan BUDI Diesel adalah bergantung kepada kelayakan pemilik asal sebagai pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Sekiranya pemilik asal menjual, melupuskan atau menukar hak milik kenderaan diesel tersebut sehingga tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan BUDI Diesel, kelayakan pemilik asal akan terbatal secara automatik. Dalam keadaan ini, kelayakan yang telah dipindahkan kepada ahli keluarga juga akan terbatal.

Penerima pemindahan kelayakan tidak boleh terus menggunakan kelayakan diesel bersubsidi sekiranya pemilik asal tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan.

14. Adakah pengumpulan data ini hanya dibuat sekali sahaja?

Pengumpulan dan pengemaskinian data dibuat secara bulanan.

Sekiranya terdapat pengguna yang tidak menerima liter kelayakan dalam fasa awal, data mereka masih boleh dikemukakan secara bulanan melalui saluran yang ditetapkan. Setelah data diterima dan diproses, pengguna boleh membuat semakan kelayakan melalui portal BUDI MADANI.

15. Adakah pemilik asal masih boleh membeli diesel bersubsidi selepas pemindahan kelayakan diluluskan?

Setelah pemindahan kelayakan BUDI Diesel diluluskan, pemilik asal tidak lagi boleh menggunakan kelayakan diesel bersubsidi tersebut walaupun membeli kenderaan diesel yang lain.

Pemindahan kelayakan adalah bersifat sehalu dan kelayakan diesel tersebut akan digunakan oleh penerima yang telah diluluskan. Pemilik asal masih boleh menggunakan kelayakan BUDI95 untuk membeli petrol RON95 bersubsidi, sekiranya layak.

16. Bolehkah kelayakan BUDI Diesel dipindahkan kepada sepupu, bapa saudara, ibu saudara, mertua, menantu, datuk, nenek atau cucu?

Tidak. Pemindahan kelayakan BUDI Diesel hanya dibenarkan kepada seorang ahli keluarga terdekat yang ditetapkan sahaja. Hubungan keluarga yang dibenarkan adalah terhad kepada:

- i. pasangan, iaitu suami atau isteri;
- ii. ibu atau bapa;
- iii. anak; atau
- iv. adik-beradik

Pemindahan kepada ahli keluarga lain seperti sepupu, bapa saudara, ibu saudara, mertua, menantu, datuk, nenek, cucu atau ipar tidak dibenarkan.

17. Bolehkah seorang penerima menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel daripada lebih daripada seorang ahli keluarga?

Tidak. Seorang penerima hanya boleh menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel daripada seorang pemilik asal sahaja.

Ini bagi memastikan pemindahan kelayakan tidak menyebabkan pertindihan kelayakan atau penyalahgunaan subsidi diesel.

18. Bolehkah individu yang telah menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel memindahkan kelayakan tersebut kepada individu lain?

Tidak. Individu yang menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel tidak boleh memindahkan kelayakan tersebut kepada individu lain.

Pemindahan kelayakan hanya dibenarkan sekali sahaja daripada pemilik asal kepada penerima yang diluluskan. Pemindahan seterusnya kepada pihak lain adalah tidak dibenarkan.

19. Apakah yang berlaku sekiranya penerima pemindahan kemudian layak menerima BUDI Diesel atas kelayakannya sendiri?

Sekiranya penerima pemindahan kemudian didapati layak menerima BUDI Diesel atas kelayakannya sendiri, pemindahan kelayakan sedia ada akan terbatal secara automatik.

Selepas itu, penerima tersebut hanya akan menikmati kelayakan BUDI Diesel berdasarkan kelayakan sendiri, tertakluk kepada kriteria dan baki kelayakan bahan api yang ditetapkan.

20. Apakah yang berlaku sekiranya Lesen Kenderaan Motor atau cukai jalan kenderaan diesel milik pemilik asal tamat tempoh?

Sekiranya Lesen Kenderaan Motor atau cukai jalan kenderaan diesel milik pemilik asal tamat tempoh, kelayakan BUDI Diesel yang telah dipindahkan akan terjejas kerana kelayakan tersebut bergantung kepada status kenderaan diesel yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Dalam keadaan ini, penerima pemindahan tersebut akan kehilangan kelayakan diesel yang dipindahkan sehingga rekod kenderaan pemilik asal dikemas kini dan memenuhi semula kriteria kelayakan yang ditetapkan.

21. Apakah yang berlaku sekiranya pemilik asal menukar kenderaan diesel kepada kenderaan petrol?

Sekiranya pemilik asal tidak lagi memiliki kenderaan diesel yang memenuhi kriteria kelayakan, termasuk kerana menjual, menukar hak milik atau menukar kepada kenderaan petrol, kelayakan BUDI Diesel pemilik asal akan terbatal.

Dalam keadaan tersebut, kelayakan BUDI Diesel yang telah dipindahkan kepada penerima juga akan terbatal secara automatik kerana pemindahan tersebut bergantung kepada kelayakan pemilik asal.

22. Bilakah pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang diluluskan akan dipaparkan dalam portal BUDI MADANI?

Bagi fasa pertama pelaksanaan, pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang diluluskan dianggarkan boleh disemak melalui portal BUDI MADANI mulai 15 Julai 2026.

Bagi bulan-bulan seterusnya, pemindahan kelayakan yang diluluskan akan dikemas kini dan dipaparkan mulai 1 hari bulan berikutnya, tertakluk kepada, pemprosesan dan pengemaskinian permohonan yang dikemukakan selewat-lewatnya 27 hari bulan pada bulan sebelumnya.

Pengguna boleh membuat permohonan melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.